

**KEUNIKAN SENI BINA RUMAH WARISAN HAJI SU DI KAMPUNG LOSONG
HAJI SU, KUALA TERENGGANU.**

FYP FTKW

WAN NUR AEIZATUL AKMAL BINTI WAN MUSA

UNIVERSITI

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN
DENGAN KEPUJIAN**

2022

KELANTAN



**UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN**

**KEUNIKAN SENI BINA RUMAH WARISAN HAJI SU DI KAMPUNG LOSONG
HAJI SU, KUALA TERENGGANU.**

DISEDIAKAN OLEH:

WAN NUR AEIZATUL AKMAL BINTI WAN MUSA

Laporan Projek Akhir Ini Dikemukakan Sebagai Syarat Dalam Memenuhi Penganugerahan

Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian.

**Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

2022

PERAKUAN STATUS TESIS

Saya dengan ini memperakukan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan oleh ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

- TERBUKA** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)
- SEKATAN** Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah.
Dari tarikh _____ hingga _____
- SULIT** (Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)*
- TERHAD** (Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)*

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut:

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan Utama

Tandatangan Penyelia

aeizatul

WAN NUR AEIZATUL AKMAL BINTI
WAN MUSA

PUAN FARRAH ATIKAH BINTI
SAARI

Tarikh:

Tarikh:

Nota* Sekiranya Tesis ini adalah SULIT atau TERHAD, sila kepilkan bersama surat daripada organisasi dengan menyatakan tempoh dan sebab-sebab kerahsiaan dan sekatan.

PENGAKUAN

Projek bertajuk “Keunikan Seni Bina Rumah Warisan Haji Su Di Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu” telah disediakan oleh (**WAN NUR AEIZATUL AKMAL BINTI WAN MUSA**) dan telah diserahkan kepada Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW) sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian (**Konservasi Warisan**).

Diterima untuk diperiksa oleh:

(Puan Farrah Atikah Binti Saari)

Tarikh:

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Bersyukur kehadiran Allah S.W.T kerana berkat dan KurniaNya saya telah berjaya menyempurnakan kajian ini dengan jayanya. Hasil daripada kesabaran, ketekunan, dan tumpuan yang diberikan selama menjalani penyelidikan ini akhirnya saya telah berjaya menyempurnakan projek penyelidikan ini. Hasil daripada sokongan dan galakan dari semua pihak yang banyak membantu dalam proses menyiapkan projek penyelidikan ini. Pertamanya, setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada penyelia projek penyelidikan iaitu Puan Farrah Atikah Binti Saari yang telah banyak memberi tunjuk ajar, nasihat serta sokongan kepada saya sepanjang menjalankan projek penyelidikan ini.

Selain itu, saya juga ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang sentiasa memberikan sokongan serta bantuan yang diberikan sepanjang saya menjalankan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga kepada adik-beradik yang memberikan sokongan kepada saya bagi menjalani proses penyelidikan ini. Tanpa sokongan mereka tidak mungkin saya berada di tahap ini.

Di samping itu, saya juga ingin berterima kasih kepada rakan-rakan saya yang sentiasa memberikan dorongan saat saya menghadapi kesukaran semasa menjalani projek penyelidikan ini. Sebelum menutup bicara, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan serta pihak yang terlibat dalam penyempurnaan projek penyelidikan ini secara langsung ataupun tidak.

Keunikan Seni Bina Rumah Warisan Haji Su Di Kampung Losong

Haji Su, Kuala Terengganu.

ABSTRAK

Projek Penyelidikan ini merupakan satu kajian mengenai 'Keunikan Seni Bina Rumah Warisan Haji Su di Kampung Losong Haji Su Kuala Terengganu'. Pengkaji memilih Rumah Warisan Haji Su ini kerana ia mempunyai keunikan seni binanya yang tersendiri. Seni bina rumah tradisional Melayu adalah salah satu warisan pertukangan yang mencerminkan identiti masyarakat Melayu. Pengkaji telah memilih untuk menjalankan kajian berkaitan seni bina rumah warisan ini kerana pada masa kini rumah Melayu tradisional kurang dibina. Justeru, masalah kos pembinaan yang semakin tinggi untuk membina rumah warisan pada masa kini. Kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif yang ditetapkan iaitu untuk mengetahui sejarah Rumah Warisan Haji Su yang dapat memberi impak kepada komuniti setempat. Objektif pengkaji seterusnya adalah menghuraikan ciri-ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su yang dapat menarik minat pelancong serta menilai potensi Rumah Warisan Haji Su terhadap sektor pelancongan di negeri Terengganu. Kaedah temu ramah dan analisis dokumen digunakan dalam menjalankan kajian penyelidikan ini. Kajian penyelidikan ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa rumah warisan tradisional yang berada berdekatan dengan mereka perlu dipulihara dengan baik.

Kata kunci: haji su, keunikan, pelancongan, rumah, seni bina, warisan.

Unique architecture of Haji Su Heritage House in Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu.

ABSTRACT

This research project is about the unique architecture of the Haji Su Heritage House in Kampung Losong Haji Su, Kuala Terengganu. The Haji Su Heritage was chosen by the researchers because it has its own distinct architecture. One of the carpentry heritages that reflects the community's identity is the Malay traditional architecture of the house. Because traditional Malay houses are poorly constructed nowadays, the researcher has chosen to conduct a study on the architecture of this heritage house. Then, there's the issue of high construction costs. to build heritage houses today in order to achieve the set goal of knowing the history of the houses. Haji Su's legacy could have an impact on the local community. The next objective of the researchers is to describe the architectural features found in the Haji Su house, which can attract tourists and assess the reputation of the Haji Su heritage house in the tourism sector in the state of Terengganu. Interview and document analysis methods were used in conducting the research study. This research study could raise awareness in the community about the importance of heritage houses close to them being well preserved.

Keywords: architecture, haji su, heritage, house, tourism, unique

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ISI KANDUNGAN

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
ISI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	7
1.5 Persoalanan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	8
1.7 Skop Kajian	10
1.8 Batasan Kajian	12
1.9 Definisi Terminologi	13
1.10 Penutup	15

BAB 2 SOROTAN KAJIAN	16
2.1 Pengenalan	16
2.2 Seni Bina Rumah Melayu	16
2.3 Pengaruh Seni Bina Di Terengganu	18
2.4 Rumah Melayu Tradisional	18
2.5 Pengaruh Warisan Sejarah Dalam Industri Pelancongan	20
2.6 Pembudayaan Nilai Islam Dalam Rekabentuk Rumah Tradisional	20
2.7 Pengaruh Terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional	21
2.8 Jenis-jenis Rumah Tradisional Melayu	22
2.9 Pengaruh Islam Dalam Seni Bina	23
2.10 Seni Bina Melayu Islam	24
2.11 Pelancongan Berasaskan Warisan	24
2.12 Implikasi Industri Pelancongan	27
2.13 Penutup	27
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	29
3.1 Pengenalan	29
3.2 Reka Bentuk Kajian	31
3.3 Teknik Pengumpulan Data	34

3.4	Kaedah Analisis Data	36
3.5	Jangkaan Dapatan Kajian	37
3.6	Penutup	38
BAB 4 DAPATAN KAJIAN		40
4.1	Pengenalan	40
4.2	Analisis Demografi Responden	41
4.3	Sejarah Rumah Warisan Haji Su Yang Dapat Memberi Impak Kepada Komuniti Setempat	42
4.4	Ciri-ciri Seni Bina Yang Terdapat Di Rumah Warisan Haji Su Yang Dapat Menarik Minat Pelancong.	49
4.5	Potensi Rumah Warisan Haji Su Terhadap Sektor Pelancongan Di Negeri Terengganu.	58
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN		65
5.1	Pengenalan	65
5.2	Perbincangan Dapatan Kajian	62
5.3	Rumusan	69
5.4	Cadangan	70

5.5 Penutup

72

RUJUKAN

73



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

SENARAI JADUAL

NO.		MUKA SURAT
3.2	Rekabentuk Kajian	32
4.2	Analisis Demografi Responden	40

SENARAI RAJAH

NO.		MUKA SURAT
1.7	Skop Kajian	12
2.4	Rumah Melayu Perlis	19
3.1	Carta Alir Metodologi Kajian	30
3.4	Proses Analisis Data	36
4.1	Rumah Warisan Haji Su	48
4.2	Buah Buton Pada Atap Rumah Warisan Haji Su	50
4.3	Atap Singgora Di Rumah Warisan Haji Su	51
4.4	Bahagian Rumah Limas Belanda Di Rumah Warisan Haji Su	57
4.5	Bahagian Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga Di Rumah Warisan Haji Su	58

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Seni bina rumah Melayu tradisional adalah salah satu warisan pertukangan yang mencerminkan identiti masyarakat Melayu. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat seni bina membawa maksud kepada penyediaan reka bentuk dan penyeliaan pembinaan bangunan. Menurut Zulkifli Hanafi pembinaan bangunan tradisional serta seni ukiran bukan hanya sebagai perhiasan semata, malah ia mempunyai pelbagai fungsi lain terhadap sesebuah bangunan tersebut. Pembangunan seni bina di Malaysia mempunyai pelbagai variasi serta seni bina di Malaysia berkembang luas dimana daripada bangunan berstruktur ringkas kepada bangunan yang berskala besar yang telah ada pada hari ini. Justeru itu, seni bina yang ada di Malaysia ianya dibangunkan kerana keperluan, nilai serta pandangan masyarakat pribumi. Mursib (2008) telah menyatakan bahawa seni bina yang paling berkembang di Malaysia ini adalah seni bina Melayu tradisional. Dimana ia banyak digunakan oleh masyarakat Melayu ketika dahulu.

Rumah merupakan satu keperluan asas selain daripada pakaian dan makanan. Rumah juga melambangkan peradaban sesuatu bangsa kerana di situlah berkembang generasi yang menjadi teras pembentukan negara kini. Selain itu, dalam penulisan Baharum, Usman, Musa, & Tawil, (2012) ada menyatakan bahawa rumah juga

merupakan satu komponen asas dalam kehidupan masyarakat malah sebagai tempat menjalani kehidupan seharian dan dirancang dengan memerhatikan keseimbangan fizikal binaan, alam dan persekitaran serta juga manusia sebagai penghuninya untuk mendapatkan kesejahteraan hidup.

Selain itu, rumah bukan sahaja dikenali sebagai tempat tinggal tetapi ia juga merupakan lambang kesempurnaan hidup (Effendy, 2007). Rumah Melayu tradisional ini merupakan lambang kepada status sosial seseorang. Manakala, bangunan Melayu tradisional dibangunkan mengikut beberapa pertimbangan antaranya seperti simbol-simbol refleksi budaya masyarakat, tradisi, bahan bangunan yang digunakan serta cara peletakan tata letak sesebuah rumah yang didirikan. Bangunan Melayu tradisional merupakan bangunan yang sangat utuh untuk dijadikan sebagai tempat kediaman keluarga, tempat berlindung dan juga sebagai tempat untuk bermusyawarah. Seterusnya, pembinaan rumah ini dipengaruhi juga oleh iklim setempat. Dimana boleh dilihat pada rumah Melayu tradisional ia berbentuk memanjang mengikut alur sungai agar mendapat pengudaraan ruang uadara yang baik. (Gun Faisal & Yohannes Firzal, 2020)

Mohd Yusuf Abdullah (2012) menyatakan salah satu daripada khazanah budaya asli negeri Terengganu yang masih utuh dengan nilai keindahan ialah seni bina bangunan. Selain itu, identiti seni bina di Malaysia mempunyai reka bentuk dan gaya unik yang dipengaruhi oleh budaya tempatan dan budaya asing dari luar (Othman, 2018). Warisan seni bina sesebuah kaum juga merupakan kandungan pencapaian dalam teknologi, ketinggian nilai seni dan juga membentuk budaya kehidupan. Seterusnya, sesebuah negara perlulah berpaksikan kepada warisan silam dalam pembangunan dan juga ketamadunan dalam negara agar dapat menjamin kesatuan kehidupan supaya nilai budaya dan kesinambungan alam persekitaran dapat diwariskan oleh generasi seterusnya (Gibbs, P. 1987).

Di samping itu, bangunan bersejarah adalah sesebuah bangunan yang telah diasingkan atau bersambung dengan seni binanya, tempatnya yang mempunyai nilai *universal value* yang boleh ditonjolkan daripada pandangan sejarah, seni atau kepada sains (kamal,2010). Justeru itu, bangunan bersejarah ini juga merupakan bangunan sejarah yang dapat memberi perasaan kagum dan menimbulkan perasaan yang ingin tahu dengan lebih terperinci berkaitan dengan bangsa dan budaya yang telah menghasilkannya. Bangunan bersejarah ini juga merupakan warisan yang telah mempunyai nilai tersirat dan juga tersurat, dengan adanya bangunan yang bersejarah ini masyarakat boleh menghayati penuh makna tidak kira samaada daripada artifak mahupun bangunan serta tapak-tapak bersejarah. (Nik Saiful,2021)

1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian dan penyelidikan ini adalah tentang keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su di Kampung Losong Haji Su. Rumah Warisan Haji Su ini terletak di Lot 7181 Rumah Warisan Negeri (Rumah Warisan Haji Su) 21000, Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman. Rumah ini berada di sekitar kawasan perusahaan kerepok Losong dan juga berada di kawasan bandar Kuala Terengganu. Pemilik rumah ini iaitu Su Mohommed Salleh Mohammed merupakan nama sebenar Haji su. Beliau lebih mesra di panggil Haji Su di kalangan masyarakat di kampung Losong Haji Su. Haji Su merupakan pemilik Rumah Warisan ini. Rumah ini telah dibina pada tahun 1850. Rumah Haji Su merupakan hasil daripada kekayaan usahawan Melayu terdahulu iaitu beliau merupakan bangsawan di Kampung Losong Haji Su. Menurut Mohd Yusof, rumah Haji Su ini bercirikan keunikan seni bina dan masyarakat Melayu tradisional. (Ruggedmom.com, 2019)

Haji Su merupakan orang yang ternama di negeri Terengganu pada zaman dahulu. Dimana beliau merupakan antara lima orang yang terkaya di Kampung Losong

Haji Su ini. Beliau telah berdagang dengan kapal besar iaitu berlayar dari Terengganu ke negara Singapura dan juga Thailand. Selain itu, Haji Su ini selalu berdagang ke luar negara untuk mendapatkan pendapatan, Dikatakan bagi mengelakkan pergi dengan tangan kosong dari Kemboja dan Thailand, Haji Su telah membawa garam dan membawa beras siam lalu dibungkuskan semua untuk dijual di Singapura. Dengan hasil perdagangan itulah, Haji Su telah berjaya membina rumah besar bak istana pada ketika dahulu. Haji Su telah membina sebuah rumah Bujang Berpeleh Kembar Tiga yang diperbuat daripada kayu cengal yang telah didiami olehnya dan keluarganya (Ruggedmom.com, 2019)

Seterusnya, Rumah Warisan Haji Su ini bersaiz besar dan juga mempunyai halaman yang sangat luas dan ia mempunyai ciri seni bina Terengganu yang sangat menarik yang melambangkan rumah ini sebagai rumah bangsawan. Dimana ketika dahulu hanya bangsawan sahaja yang membina rumah yang bersaiz besar dan hanya menggunakan kayu Cengal untuk pembinaan rumah tersebut. Justeru itu, pelbagai struktur seni bina yang menarik yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su ini. Menurut En Ayub telah menyatakan bahawa pihak Muzium telah membeli rumah Haji Su ini dan telah melakukan aktiviti pemuliharaan terhadap rumah ini. Menurut En Ayub juga telah menyatakan rumah ini dibeli oleh pihak Muzium kerana rumah ini mempunyai nilai sejarahnya yang tersendiri serta mempunyai keunikan seni bina yang berlainan daripada rumah di sekitarnya.

1.3 Pernyataan Masalah

Pernyataan masalah merupakan isu-isu yang ingin diketengahkan dalam kajian ini. Oleh itu, segala masalah yang didapati akan dianalisis dan diselidik oleh pengkaji. Selain itu, pernyataan masalah kajian dapat membantu pengkaji menyelesaikan isu yang telah difokuskan.

Kesedaran masyarakat terhadap bangunan yang bersejarah atau bernilai tidak diperdulikan lagi. Malah, masyarakat tidak mengambil tahu tentang keunikan senibina tempatan yang patut dibanggakan. Selain itu, walaupun Rumah Warisan Haji Su dibenarkan melawat, masih tidak ramai pergi mengunjung di rumah tersebut. Justeru itu, kepentingan menjaga hak milik individu atau kelompok secara warisan perlu diberi perhatian wajar (Mohamad Sohaimi Man, 2017)

Selain itu, penggunaan seni bina warisan semakin berkurang digunakan dalam pembinaan rumah mahupun bangunan. Hal ini kerana, berlakunya perubahan gaya seni bina Malaysia selepas berlakunya kemerdekaan. Dimana, ramai jurubina yang telah tamat pengajian di luar negara telah membawa fahaman baru tentang seni bina ke bandar utama di negara ini. Mereka telah menggunakan pendekatan seni bina antarabangsa yang diterapkan nilai seni bina Melayu (Kamarul Afizi & Nik Lukman, 2007). Selain itu, dalam penulisan Mohd Azrone Sarabatin, 2007 ada menyatakan bahawa 'tahun ini genap 50 tahun kemerdekaan negara, namun seni bangunan tiada bercirikan warisan dan ketamadunan Melayu'. Ini boleh dilihat bahawa bangunan yang bercirikan Melayu semakin kurang dibina.

Seterusnya, masalah yang menarik pengkaji adalah warisan semakin terhakis akibat daripada perubahan teknologi. Dimana di sekitar kawasan Rumah Warisan Haji Su tidak ada lagi perumahan tradisional malah terdapat banyak kedai-

kedai yang telah dibuka di tepi jalan. Kebanyakan kawasan di sana mempunyai pembangunan yang pesat lebih-lebih lagi berdekatan dengan kawasan bandar. (akarimomar2012)

Di samping itu, kos pembinaan seni bina tradisional amat tinggi pada masa kini menyebabkan kurangnya identiti seni bina Melayu diterapkan dalam pembinaan rumah mahupun bangunan. Boleh lihat pada masa kini untuk membina kediaman seperti rumah banglo dan teres juga memerlukan kos yang tinggi lebih-lebih lagi untuk membuat rumah tradisional. Hal ini kerana, perubahan harga yang melonjak tinggi Othman, S & Abidin, R. (2017). Hafizah Iszahanid, 2017 di dalam penulisannya telah menyatakan bahawa punca identiti Melayu sukar diterapkan dalam seni bina adalah kerana kebanyakan pemaju pada masa sekarang ini bukan daripada orang Melayu,

Akhir sekali, generasi muda Melayu kurang mengetahui tentang seni dan budaya bangsa (hafizah,2017). Pada masa kini generasi muda tidak mengambil peduli akan seni warisan Melayu dan ia menjadi punca kepada identiti Melayu sukar diterapkan dalam seni bina. Selain itu, generasi masa kini tidak pernah diajar untuk menghargai budaya sendiri. Hal ini kerana, mereka sudah dicuci dan dibasuh untuk melihat apa yang ada di luar negara mereka itu sebagai lebih baik berbanding dalam negara sendiri.

MALAYSIA
KELANTAN

1.4 Objektif Kajian

Terdapat beberapa tujuan utama yang mendorong pengkaji untuk membuat kajian terhadap keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su di Kampung Losong Haji Su iaitu bagi mencapai objektif kajian. Antara objektif yang ingin dicapai adalah:

- i. Mengetahui sejarah Rumah Warisan Haji Su yang dapat memberi impak kepada komuniti setempat.
- ii. Menghuraikan ciri-ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su yang dapat menarik minat pelancong.
- iii. Menilai potensi Rumah Warisan Haji Su terhadap sektor pelancongan di negeri Terengganu.

1.5 Persoalan Kajian

Pada bahagian ini, terdapat beberapa persoalan untuk pengkaji menjalankan kajian. Antara persoalan kajian ialah:

- i. Apakah sejarah Rumah Warisan Haji Su yang dapat memberi impak kepada komuniti setempat.
- ii. Apakah ciri-ciri pengaruh seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su yang dapat menarik perhatian pelancong.
- iii. Apakah potensi kawasan Rumah Warisan Haji Su terhadap pelancongan di negeri Terengganu.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian dan penyelidikan yang dilaksanakan haruslah mempunyai kepentingan dan nilainya serta memberi faedah kepada pembaca. Oleh itu, pengkaji telah menyenaraikan beberapa kepentingan kajian kepada pihak yang berlainan. Kajian berkaitan keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su di Kampung Losong Haji Su ini dapat memberikan manfaat terhadap individu serta masyarakat. Antara kepentingan kajian ini adalah seperti berikut:

1.6.1 Individu

Dari segi individu, kajian ini dapat mengetahui seni bina yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini. Pengkaji dapat mengetahui tentang sejarah rumah ini, pada tahun berapa ia dibina dan dapat membezakan antara rumah Melayu lama dan moden. Seterusnya, individu dapat mengetahui tentang sejarah yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini yang dapat memberikan impak kepada komuniti setempat. Selain itu, kajian ini memberikan peluang dan ruang kepada pengkaji akan datang untuk mengkaji tentang Rumah Warisan Haji Su ini, Selain itu, keputusan yang telah dibuat oleh Muzium Negeri Terengganu untuk pulihara rumah ini amat berbaloi, ini kerana keunikan seni bina yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su serta seni bina Melayu tradisional ini dapat dipulihara dengan baik kerana pihak Muzium telah mengambil langkah untuk pulihara rumah ini. Selepas membuat aktiviti konservasi terhadap Rumah Warisan Haji Su ini, pihak Muzium telah membuka peluang untuk masuk secara percuma kepada semua masyarakat. oleh itu ia dapat mendorong seseorang individu untuk melihat sendiri keunikan seni bina yang ada pada Rumah warisan Haji Su ini.

1.6.2 Masyarakat

Kepentingan kajian ini juga untuk mewujudkan kesedaran kepada masyarakat di luar sana bahawa pentingnya nilai bangunan bersejarah terutamanya Rumah Warisan Haji Su ini. Hal ini kerana, pada masa kini masyarakat tidak melihat bangunan yang bersejarah itu mempunyai nilai yang tinggi. Dengan adanya bangunan bersejarah yang dipulihara, masyarakat dapat melihat kelainan seni bina rumah pada zaman dahulu dan masa kini. Selain itu, ia juga dapat memberikan rujukan kepada golongan pelajar yang ingin mengetahui tentang Rumah Warisan Haji Su ini serta memberikan kemudahan kepada pengkaji seterusnya yang mengkaji tentang Rumah Warisan Haji Su ini. Justeru itu, kesedaran mengenai kepentingan usaha pemuliharaan warisan merupakan tanggungjawab yang harus dipikul oleh setiap individu dan masyarakat (Sabzali, Effendi, Nik Nairan)

1.6.3 Pelancongan

Keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su ini berupaya untuk menarik minat pelancong untuk melawat kawasan ini. Menurut A Ghafar Ahmad telah menyatakan bahawa pelancongan warisan adalah pelancongan yang berunsurkan sejarah, keindahan semulajadi serta seni bina bersejarah. Selain itu, industri pelancongan dapat memberikan impak yang sangat besar kepada sesebuah komuniti (Farrah Wahida). Oleh itu, Rumah Warisan Haji Su ini berpotensi menjadi tempat pelancongan warisan yang berada di Kampung Losong Haji Su ini. Hal ini kerana Rumah Warisan Haji Su ini merupakan rumah Melayu tradisional yang hanya ada di Kampung Losong Haji Su ini. Oleh itu, penduduk setempat serta pelancong luar boleh melawat kampung ini serta rumah Haji Su ini kerana ia berada berdekatan dengan kawasan bandar Kuala Terengganu.

1.7 Skop Kajian


Kajian yang dijalankan adalah di Rumah Warisan Haji Su yang terletak di Lot 7181 Rumah Warisan Negeri (Rumah Warisan Haji Su) 21000, Kuala Terengganu Terengganu Darul Iman. Rumah tinggalan ini adalah kediaman Haji Su yang merupakan seorang yang ternama di Terengganu suatu ketika dahulu. Haji Su ini merupakan antara bangsawan Terengganu yang terkenal oleh masyarakat di sekitarnya.

Selain itu, Rumah Warisan Haji Su ini telah dibeli oleh Muzium Negeri Terengganu untuk dipulihara serta dalam usaha memartabatkan kesenian Melayu. Bagi pengkaji, rumah ini perlu dipulihara agar seni bina pada dahulu kala dapat dikekalkan dan dapat diperlihatkan oleh masyarakat dan generasi akan datang. Ini kerana pada masa kini agak sukar untuk mencari rumah yang memiliki seni bina Melayu tradisional serta sukar untuk melihat rumah-rumah lama pada zaman dahulu. Ini terjadi kerana banyak pembangunan pada masa kini menyebabkan bangunan warisan dimusnahkan.

Dalam pada itu, dalam bab ini juga pengkaji akan menghuraikan sejarah Rumah Warisan Haji Su yang dapat memberi impak kepada komuniti setempat. Dimana Rumah Warisan Haji Su ini memiliki sejarahnya yang tersendiri yang mampu memberikan impak kepada komuniti setempat. Pengkaji juga akan menghuraikan ciri-ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su yang dapat menarik minat pelancong. Seperti diketahui umum, Rumah Warisan Haji Su ini memiliki seni bina Melayu tradisional yang sukar untuk dilihat pada masa kini. Ini kerana seni bina Melayu tradisional boleh dilihat pada rumah-rumah lama pada zaman dahulu yang telah dibina oleh orang Melayu terdahulu.

Bab ini juga akan menerangkan potensi Rumah Haji Su terhadap sektor pelancongan di negeri Terengganu ini. Rumah Warisan Haji Su ini berpotensi untuk dijadikan kawasan pelancongan warisan utama yang harus dilawati oleh pelancong. Hal ini kerana, rumah ini boleh dijadikan sebagai kawasan pelancongan warisan yang terkenal iaitu dengan memperlihatkan seni bina Melayu tradisional kepada pelancong, serta boleh mengetahui tentang sejarah Rumah Warisan Haji Su ini dan juga dapat mengetahui peralatan yang telah digunakan oleh orang zaman dahulu.

Kesimpulannya, pengkaji melihat Rumah Warisan Haji Su sebagai warisan Terengganu yang amat bernilai serta rumah ini telah dibaikpulih oleh pihak Muzium untuk pulihara semula Rumah Warisan Haji Su ini. Kajian ini mempunyai matlamat untuk menumpukan kajian keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su, hal ini kerana seni bina yang dimiliki oleh rumah ini amat susah untuk dijumpai kerana seni bina yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini adalah seni bina Melayu tradisional yang sukar untuk dilihat pada masa kini dan mempunyai nilai warisan serta nilai sejarah yang sangat tinggi. Selain itu, Rumah Warisan Haji Su ini mampu menarik minat pelancong serta masyarakat setempat untuk melihat sendiri rekaan Rumah Warisan Haji Su ini yang bercirikan seni bina Melayu Tradisional.



Rajah 1: Peta Kawasan Rumah Warisan Haji su

(Sumber: Google maps)

<https://www.google.com/maps/search/rumah+warisan+haji+su/@5.31878,103.1209566,17z/data=!3m1!4b1>

1.8 Batasan Kajian

Pengkaji mengakui bahawa bukan semua masalah dapat diselesaikan dengan hanya melakukan satu kajian sahaja dalam penyelidikan ini. Oleh sebab itu, pengkaji perlu menyatakan had batasan kajian yang dilaksanakan.

Dalam kajian keunikan Rumah Warisan Haji Su ini mempunyai batasan dalam mendapatkan maklumat dalam mencapai objektif. Antara batasan kajian pengkaji adalah untuk melihat ciri-ciri seni bina yang telah ada. Ini kerana untuk melihat seni bina yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini memerlukan orang yang lebih arif tentang pengetahuan seni bina serta pengaruh seni bina yang berkaitan dengan

rumah Haji Su ini. Diharapkan pengkaji dapat maklumat yang banyak tentang seni bina rumah ini bagi membantu dalam membuat dan menyiapkan kajian ini.

Seterusnya adalah pengkaji sukar untuk mencari orang yang berpengalaman dalam seni bina Melayu tradisional kini. Ini akibat orang berpengalaman dalam bidang tersebut sudah tidak ramai. Ini menyebabkan kesukaran kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat tentang Rumah Warisan Haji Su ini. Selain itu, hanya sedikit masyarakat sekeliling rumah tersebut yang mengetahui tentang sejarah Rumah Warisan Haji Su ini

1.9 Definisi Terminologi

Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat terminologi membawa maksud kepada kumpulan kata khusus yang berkaitan dengan sesuatu bidang ilmu. Manakala menurut Puteri Roslina (2005) menyatakan bahawa terminologi ini membawa maksud secara asasnya berhubung dengan nama dan proses penamaan. Sebarang perbincangan tentang nama dan penamaan tidak dapat merangkumi juga perbincangan tentang bahasa dan makna.

1.9.1 Keunikan

Kamus Dewan Edisi Keempat mendefinisikan keunikan kepada perihal unik, sifat unik. Keunikan ini digunakan dalam menyelidik nilai estetika pada seni bina Rumah Warisan Haji Su. Keunikan ini digunakan dalam menyelidik nilai estetika yang terdapat pada seni bina Rumah Warisan Haji Su.

1.9.2 Seni Bina

Seni bina telah didefinisikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat membawa maksud kepada bangunan seni mengenai bangunan (penyediaan

reka bentuk dan penyeliaan pembinaan bangunan). Seni juga membawa kepada cabang seni rupa iaitu menggabungkan segala macam bentuk ciptaan manusia yang diilhamkan diatas kehendak manusia dengan berbagai-bagai tujuan tertentu (Othaman Zaharuddin Haron).

1.9.3 Warisan

Warisan membawa maksud kepada harta peninggalan, harta pusaka ataupun sebagai sesuatu yang diwarisi (Kamus Dewan Keempat). Di dalam projek penyelidikan ini warisan ini merujuk kepada rumah warisan iaitu rumah warisan Haji Su yang sudah lama dibina. Menurut Mohamad Rasdi dan Mohamad Tajuddin (2004) warisan seni bina sesuatu kaum atau bangsa merupakan peningkatan teknologi, ketinggian nilai seni serta mencorakan budaya kehidupan.

1.9.4 Pelancongan

Menurut Johan Afendi Ibrahim, 2012 menyatakan pelancongan adalah pergerakan individu ataupun sekumpulan manusia ke sesebuah lokasi yang berbeza dengan persekitaran mereka untuk tujuan rekreasi, perniagaan, percutian dan lain-lain. Matlamat utama pelancongan adalah bagi mendapatkan kepuasan kepada pelancong daripada aspek penggunaan sumber jaya serta penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang berkualiti. Selain itu, menurut Farrah Wahida Mustafar telah menyatakan bahawa pelancongan membawa kepada impak yang besar kepada sesebuah lokasi dan komuniti.

1.10 Penutup

Secara keseluruhannya, kajian ini adalah menyentuh berkaitan bagaimana keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su dapat dikaji. Kajian ini secara langsung dapat menyedarkan orang ramai bahawa rumah Melayu tradisional itu mempunyai nilai integriti dan nilai estetik yang tinggi berkaitan dengan warisan bangsa. Pelbagai langkah perlu diambil bagi memulihara rumah Melayu Tradisional ini agar rumah ini dapat dijaga dengan baik dan dapat diperlihatkan oleh generasi akan datang. Oleh itu, kita haruslah melakukan kaedah pemeliharaan yang lebih efisien bagi memperlihatkan identiti seni bina Melayu tradisional untuk masa hadapan sebagai tanda menghargainya.

BAB 2

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Sorotan kajian merupakan sebuah kajian lepas yang menjadi bahan atau rujukan kepada pengkaji. Kajian lepas ini berdasarkan jurnal, tesis dan juga sumber-sumber yang berkaitan dengan kajian dan penyelidikan. Tujuan sorotan kajian adalah untuk meninjau sejauhmana bidang kajian kita yang telah ditulis oleh pengkaji lain Hasanah Taib (2020). Selain itu sorotan kajian ini juga merupakan kaedah mempeoleh sumber primer.

2.2 Seni Bina Rumah Melayu

Seni bina rumah Melayu dapat dilihat dengan teknologi binaan yang ringkas dan mudah iaitu dengan menggunakan bahan-bahan dari alam semula jadi yang dipeolehi dari hutan. Antara ciri binaan yang digunakan dalam pembinaan rumah Melayu adalah seperti daun nipah, ijuk, rumbia, dan bertam bagi bumbung. Seterusnya, kayu digunakan untuk struktur utama seperti tiang, alang, rasuk, lantai dan dinding. Selain itu, susun rumah Melayu mempunyai 3 bahagian iaitu bahagian depan atau serambi, bahagian tengah dikenali sebagai rumah ibu dan bahagian belakang yang dikenali sebagai rumah dapur. Serta bumbung rumah adalah berbentuk curam dan unjurnya lebar dan juga badan rumah dipenuhi dengan bukaan jendela dan kekisi atau ukiran tebuk yang mengalakkan peredaran udara (Siti Norlizaiha,2005)

Seterusnya, menurut Raja Kamarul Bahrin Shah dalam penulisan 'Rumah Berpeleh Terengganu' menyatakan Rumah tradisional Terengganu yang masih ada mempunyai atap berpeleh yang tinggi dan curam. Peleh ini dan tebar layarlah yang membuatkan rumah Terengganu unik dan terkenal dari segi seni binanya.

Di samping itu, seni bina rumah Melayu ini mempunyai persamaan dengan cara hidup orang Melayu seperti adat resam, aspek sosialisasi dan keagamaan. Dimana corak seni bina pada rumah Melayu tradisional ini juga terpengaruh dengan faktor sosio-budaya. Justeru itu, kebanyakan rumah Melayu ini telah diperbuat daripada kayu. Hal ini kerana pada zaman dahulu untuk mendapatkan kayu adalah mudah serta untuk membuat ukiran pada kayu tersebut adalah mudah. Antara ukiran yang biasa diukir pada bahagian rumah Melayu tradisional adalah seperti kerawang, kekisi, tebar layar dan jerajak. Selain itu, kebiasannya, ukiran kayu yang terdapat pada rumah tradisional Melayu yang kelihatan kemas dan menarik kebiasaannya pemilik mempunyai status sosial yang tinggi dalam kalangan masyarakat disitu. Selain itu, kemahiran dan ketekunan dan keusahawanan yang dimiliki oleh para tukang Melayu yang membina serta mereka bentuk rumah tradisional Melayu ini adalah sangat baik dan sangat berkemahiran. (A Ghafar Ahmad, 2003)

2.2.1 Seni Bina Islam

Seni bina Islam telah digunakan dalam pembinaan masjid, surau serta madrasah saling berkait dari segi fungsi keagamaan. Antara seni bina Islam yang telah digunakan pada masjid, surau dan madrasah adalah seni bina vernacular, seni bina kolonial dan seni bina moden yang dipengaruhi oleh penggunaan struktur utama dalam pembinaan masjid, surau dan madrasah. Sebagai contoh bangunan Masjid Kapitan Keling di Georgetown telah mempunyai pengaruh seni bina daripada luar iaitu seni bina kolonial. Dimana seni bina kolonial ini merupakan gabungan ciri-ciri seni bina

daripada Klasikal dan Indian Moghul pada rekaan tiang tingkap, kubah, mehrab, dan pintu gerbang yang berlekuk-lekuk. Selain itu, seni bina yang digunakan dalam pembinaan madrasah adalah gabungan gaya seni bina tradisional Melayu serta mempunyai pengaruh daripada kolonial dan juga Indian Moghul. Antara bahan yang digunakan dalam pembinaan madrasah ini adalah kayu serta batu-bata, konkrit, marmar, serta bumbung genting bagi mengukuhkan struktur pada bangunan yang dibina. (A Ghafar Ahmad, 2003)

2.3 Pengaruh Seni Bina Di Terengganu

Muzium negeri Terengganu dibina berdasarkan penerapan unsur seni bina tradisi Melayu yang ditampilkan pada sebahagian besar binaan adalah yang menarik terhadap rekabentuk bangunan ini. Motif ukiran yang ada pada permukaan dinding, daun pintu serta kerawang di atas kepala pintu. Selain itu, kayu buton yang dipasang pada bahagian atas sisi kiri dan kanan pintu masuk. Justeru itu, ciri utama pada Muzium ini adalah bersifat 'fascia' hadapannya yang turut dikenali sebagai pemeleh dan dinding panel berukir. Bangunan Muzium ini juga direkabentuk sebagai gambaran seakan-akan ia berdiri di atas tiang dengan ruang masuk melalui tangga yang terangkat seperti rumah tradisional di kawasan kampung-kampung (Akal sari, 2010)

2.4 Rumah Melayu Tradisional

Bagi pembinaan rumah Melayu tradisional, pemilik rumah akan memilih tukang kayu yang cekap dalam pembinaan rumah tradisional agar rumah yang dibina menepati kehendak pemilik. Pemilik rumah juga akan memilih kayu seperti kayu cengal, merbau dan sebagainya. Selain itu, tapak yang dipilih untuk dijadikan rumah adalah di kawasan tanah yang rata serta memastikan ia menghala kiblat yang betul dan naik turunnya matahari sebelum rumah didirikan (Muhammad, 2003). Rajah 2.1

dibawah menunjukkan rumah Melayu Perlis yang menepati cita rasa pembinaan rumah Melayu tradisional.



Rajah 2.1 Rumah Melayu Perlis

(Sumber:https://myrepositori.pnm.gov.my/xmlui/bitstream/handle/123456789/1494/JWIK_2003_Bil15_11.pdf?sequence=1)

Rumah Melayu tradisional turut menitikberatkan tentang susun atur ruang. Sahabuddin, 2016 di dalam penulisannya menyatakan bahawa susun atur ruang adalah mengikut susunatur yang diterjemahkan oleh sosio budaya masyarakat Melayu dan digambarkan dengan kesenian susunatur ruang dengan kedudukan serambi yang diletakkan di hadapan sekali sebagai ruang umum menyambut tetamu diikuti dengan

rumah ibu sebagai ruang utama kekeluargaan dan keraian yang menetapi keperluan budaya masyarakat melayu.

2.5 Pengaruh Warisan Sejarah Dalam Industri Pelancongan

Industri pelancongan merupakan salah satu aktiviti yang dapat memberikan pulangan besar terhadap sesebuah negara. Dalam penulisan Mohd Samsudin dan Sulong Mohamad ada menyatakan bahawa mengusahakan bahan-bahan warisan adalah penting kerana pelbagai kajian membuktikan bahawa pelancongan warisan dapat menarik perhatian pelancong untuk tinggal lebih lama daripada pelancongan yang lain. Selain itu, pelancongan warisan ini merupakan alat promosi kebanggaan sesebuah masyarakat. Dengan itu, sesebuah masyarakat dapat menonjolkan bahan-bahan warisan kepada pelancong. Serta ia juga boleh menghidupkan kembali penggunaan bahan-bahan warisan dan menghidupkan kembali memori sejarah serta dapat mengekalkan keunikan masyarakat sesebuah kawasan.

2.6 Pembudayaan Nilai Islam Dalam Rekabentuk Rumah Tradisional

Bagi masyarakat Melayu yang sinonim dengan Islam akan menyatakan bahawa rumah adalah sebagai tempat menetap dan juga berlindung bagi beribadat di dunia. Rekabentuk yang diterapkan dalam konsep Islam seperti membina orientasi kedudukan rumah menghala kearah Timur-Barat. Hal merupakan identiti kepada orang Melayu yang pentingkan unsur-unsur keagamaan. Pembinaan orientasi kedudukan rumah yang menghala kearah Timur-Barat adalah bagi memudahkan penghuni rumah mengetahui arah kiblat untuk melakukan ibadat.

Selain itu, pembinaan orientasi kedudukan mengikut kiblat mendapat pelbagai keistimewaan antaranya adalah membolehkan cahaya matahari untuk terus

memasuki rumah tersebut terutamanya pada waktu pagi. Dipercayai cahaya pada pagi hari akan memberikan kebaikan terhadap tubuh manusia. Oleh itu, pelbagai manfaat yang dapat jika pembinaan orientasi kedudukan rumah menghala kearah Timur-Barat.

2.7 Pengaruh terhadap pembinaan rumah Melayu Tradisional

Rumah tradisional juga dikenali sebagai seni bina Melayu, dimana ia merupakan aspek taman dalam kehidupan orang Melayu. Dimana rumah bukan hanya sebagai tempat berlindung serta ia merupakan tempat dimana kehidupan dilakukan dengan sebaik-baiknya. Amat penting untuk melihat beberapa perkara dalam pembinaan rumah Melayu, dimana menitikberatkan ciri-ciri yang memberi gambaran nilai budaya masyarakatnya. Ciri-ciri yang berkait dengan rumah Melayu tradisional bukan sahaja terdapat pada corak dan bahagian rumah tersebut tetapi mengambil juga dalam bentuk upacara, bahan, namanya serta kedudukan rumah tersebut (Aziz, N. F., Arifin, K., & Ujang, A.2008).

2.7.1 Nilai budaya

Nilai budaya ini dilihat daripada segi aspek dominan iaitu agama Islam, adat serta tradisi Melayu. Nilai budaya yang semakin dibawa oleh arus peredaran menyebabkan adat dan tradisi yang kian beransur dilupakan oleh peredaran zaman. Ini menyebabkan rumah-rumah yang bercirikan tradisional semakin berkurangan (Aziz, N. F., Arifin, K., & Ujang, A.2008).

2.7.2 Upacara

Sebelum pembinaan rumah dilaksanakan, amalan adat resam dan budaya amat diambil berat sebelum, semasa dan selepas pembinaan rumah ini. Antara upacara yang dilakukan adalah seperti beramu, mematikan tanah, mendarahi kayu dan membahan. Amalan ini dilakukan adalah untuk menjaga

orang-orang terlibat dalam pembinaan rumah tersebut agar tidak mendapat gangguan dari 'penunggu hutan' (Aziz, N. F., Arifin, K., & Ujang, A. 2008).

2.7.3 Kedudukan rumah

Menurut tradisi Melayu tempat yang baik untuk mendirikan rumah adalah seperti dibina di atas tanah liat kuning dan hitam, ini membawa maksud bahawa penghuni rumah tidak akan diserang penyakit. Seterusnya adalah dibina di atas yang mendatar agar penghuni rumah tersebut akan merasakan ketenangan dan akhir sekali adalah membina rumah tersebut dekat dengan sumber air yang membawa maksud penghuni rumah tidak terputus rezekinya (Aziz, N. F., Arifin, K., & Ujang, A. 2008).

2.8 Jenis-jenis rumah tradisional Terengganu

Negeri Terengganu merupakan negeri yang terkenal dengan kehandalan dalam pembinaan rumah-rumah. Dimana setiap perkampungan Melayu Terengganu ditumbuhi dengan berbagai jenis rumah yang menjadi imej kepada negeri Terengganu ini. Pengelasan jenis rumah ini hanya dibezakan pada bentuk bumbung, tiang serta perabung (Che Husin bin Mohamad)

2.8.1 Rumah Tiang Dua Belas

Rumah tiang dua belas ini bukan hanya berada di Terengganu bahkan juga di Kelantan. Dikatakan bahawa rumah tiang dua belas di kedua negeri ini mempunyai banyak persamaan dari segi ukiran. Antara motif ukiran untuk mengenal pasti rumah tersebut adalah rumah tiang dua belas adalah seperti mempunyai motif pokok kekacang, bayam, buah padi, bunga kekwa dan banyak lagi. Selain itu, rekabentuk Rumah Tiang Dua Belas ini sama dengan

Rumah Bujang tetapi lebih besar. Bumbung Rumah Tiang Dua Belas ini berbentuk genting dan dipasangkan sebasang tebar layar yang menarik. Pada bahagian dipenuhi dengan hiasan ukiran. (Azreena & Nangkula, 2013)

2.8.2 Rumah Bujang Barat

Menurut Che Husin Mohamad Rumah Bujang Barat ini adalah merupakan rumah warisan seni bina Terengganu yang telah dibina sejak lebih kurang satu abad lampau. Rumah Bujang Barat ini memakai tulang bumbung yang mendatar dimana ia boleh dilihat pada sisir bumbung, iaitu bumbung kelihatan seperti segi tiga yang condong ke arah dalam. Selain itu, Rumah Bujang Barat juga menggunakan pemeleh hujung bagi menutup atap pada bahagian atas bumbungnya.

2.8.3 Rumah Berserambi

Rumah berserambi di negeri Terengganu biasanya menggunakan empat keping pemeleh di setiap hujung perabung. Selain itu Rumah Berserambi Berselesar ini menggunakan hanya tiga keping pemeleh pada setiap hujung perabung rumah dan rumah ini mempunyai lantai yang lebih rendah daripada lantai serambi. Justeru itu, terdapat tangga yang menghubungkan antara serambi dengan selasar. (Shamila, 2015)

2.9 Pengaruh Islam Dalam Seni Bina

Kedatangan Islam telah membawa perubahan dari segi corak pemikiran serta secara langsung telah menukarkan konsep dari segi seni bina itu sendiri. Dimana elemen-elemen dewa yang digunakan ditukar kepada konsep yang sejajar yang diajari oleh agama Islam. Selain itu, seni bina ini dibahagikan kepada dua jenis spiritul yang

melingkungi ruang, dimana ia mempunyai fungsi selari dengan ibadah Islam. Hiasan dalam dan luar seperti di dinding, bumbung, tingkap diambil kira faktor keselesaan penghuni bangunan tersebut. Bentuk kubah pada masjid ditafsir sebagai lambang langit yang melingkungi kehidupan masyarakat (Harun,2005)

2.10 Seni Bina Melayu Moden

Kedatangan seni bina Melayu moden adalah daripada faktor penjajahan yang telah menyumbang kepada variasi corak seni bina di Malaysia ini. Antaranya adalah kedatangan bangsa Cina ke tanah Melayu menyumbang kepada seni bina yang berlainan. Dimana, mereka telah memperkenalkan elemen 'countyard' di tengah-tengah rumah. Selain itu, dengan kedatangan bangsa Cina ini telah mengubah rekaan tangga pada rumah Melayu dahulu kala. Seterusnya, kedatangan British telah membawa jenis seni bina yang baru, iaitu seni bina gaya Neo Klasikal yang telah digunakan pada bangunan awam dibandar utama di Tanah Melayu pada ketika dahulu. Boleh dilihat dimana seni bina yang terdapat di Malaysia telah menjalani proses evolusi yang melibatkan transformasi pemodenen dan sosiobudaya setempat. (Azmal Sabil, Smarni Ismail)

2.11 Pelancongan Berasaskan Warisan

Elemen warisan yang terdapat pada pelancongan berasaskan warisan ini mampu dijadikan sebagai produk pelancongan baharu kepada masyarakat luar mahupun setempat serta kepada generasi akan datang. Pelancongan berasaskan warisan ini berpotensi menjadi tempat pelancongan kepada masyarakat luar mahupun masyarakat setempat. Selain itu, pelancongan warisan ini juga mampu memberikan pulangan kepada sesebuah negara daripada hasil pelancongan yang telah berlaku. Melalui pelancongan warisan ini juga dapat menarik minat masyarakat serta dapat

menambahkan pengetahuan tentang warisan pada sesuatu tempat kepada masyarakat yang mengunjungi tempat warisan. Pelancongan berasaskan warisan penting lebih-lebih lagi di negara Malaysia, dimana di Malaysia masyarakat kurang mengambil berat tentang bangunan yang bersejarah serta kajian berkaitan dengan bangunan ini juga berkurang (Siti Norsakira & Rosniza, 2018). Oleh itu dengan adanya pelancongan warisan ini dapat memperkenalkan lagi tempat ataupun bangunan yang bersejarah kepada masyarakat luar mahupun masyarakat setempat.

Selain itu, pelancongan berasaskan warisan ini lebih menumpukan kepada nilai sejarah sesebuah tempat, dimana nilai sejarah ini sangat penting dan sukar untuk dipeoleh kerana ia merupakan sesuatu yang sangat penting. Dimana bagi melihat sesebuah bangunan atau sesebuah tempat ia perlu dilihat nilai sejarah yang ada padanya bagi menyesuaikan kawasan atau bangunan menjadi pelancongan berasaskan warisan. (Mohd Razali & Yahaya, 2003). Selain itu, faktor budaya juga memainkan peranan dalam sesebuah pelancongan warisan ini, dimana faktor budaya ini mendorong seseorang itu untuk melancong kesesebuah tempat. Justeru itu, dorongan budaya ini mampu mempengaruhi seseorang untuk melawat sesebuah tempat, iaitu keinginan untuk melihat budaya di tempat orang lain.

2.11.1 Potensi Dan Cabaran Pelancongan Berasaskan Warisan

Industri pelancongan ini dilihat sebagai sebuah industri yang penting dalam menjana pendapatan sesebuah negara. Oleh itu, industri pelancongan mempunyai potensi yang tinggi dalam menjana pendapatan. Pelancongan ini dapat diperluaskan dan diperkenalkan lagi dengan adanya promosi secara berterusan berkaitan dengan budaya serta warisan sejarah mampu mempengaruhi seseorang individu untuk melawat sesebuah tempat. Antara tempat yang berpotensi dalam pelancongan berasaskan warisan ini adalah Taman Negara Mulu, dimana boleh dilihat di tempat ini

merupakan tapak warisan dunai yang telah dikategorikan sebagai warisan semula jadi yang mampu menarik minat pelancong untuk melawati kawasan warisan tersebut.

Seterusnya cabaran yang terdapat dalam pelancongan berasaskan warisan ini adalah daya saing antara tempat pelancongan warisan. Dimana daya saing membawa kepada cara sesebuah tempat untuk menonjolkan kelebihan yang ada pada tempat pelancongan agar diketahui oleh masyarakat luar. Justeru itu, sesebuah tempat pelancongan akan mencuba mencari kelainan daripada tempat lain agar tempat tersebut dapat ditonjolkan dan mudah dikenali oleh pelawat. Selain itu, kawasan pelancongan warisan ini akan menceritakan nilai sejarah yang mampu menarik pelancong agar melawat kawasan tersebut. Nilai sejarah ini amat penting pada sesebuah kawasan warisan dimana untuk mengetahui tempat tersebut mempunyai ciri-ciri warisan perlulah melihat daripada segi nilai sejarah kawasan tersebut. (Zuliskandar Ramli,2015)

Seterusnya cabaran yang dihadapi dalam warisan seni bina Melayu dalam arus kemodenan yang semakin pesat di Malaysia ini adalah insiden perobohan dan pemusnahan bangunan lama bagi membina pembangunan mega seperti kawasan perumahan, lebuhraya serta kompleks membeli-belah ia menyebabkan banyak rumah tradisional Melayu telah termusnah. Selain itu, keprihatinan masyarakat Melayu terhadap warisan seni bina Melayu berada pada tahap yang sangat rendah. Dimana bangsa Melayu sendiri sanggup menggadaikan bangunan warisan kepada bangsa lain semata-mata kerana pengaruh wang. Cabaran seterusnya adalah penyelidikan seni bina Melayu adalah sedikit, oleh itu ia perlu dipergiatkan dengan penglibatan para penyelidik termasuklah pensyarah serta guru perlulah melakukan kajian terhadap bangunan warisan ini. (A Ghafar Ahmad,2003)

2.12 Implikasi Industri Pelancongan

Impak merupakan pengaruh yang ada pada pemikiran, sikap, watak yang timbul daripada aktiviti mendengar atau membaca. Aktiviti pelancongan semakin berkembang dan ia memberikan impak positif kepada sesebuah kawasan pelancongan tersebut. Adanya aktiviti pelancongan ini dapat memberikan impak positif kepada kawasan tersebut serta kepada masyarakat setempat. Selain itu, aktiviti pelancongan ini memberikan impak positif kepada masyarakat setempat iaitu dengan meningkatkan taraf ekonomi, sosial dan budaya pada masyarakat. Taraf ekonomi ini telah membuka banyak peluang pekerjaan kepada penduduk setempat dengan menjual hasil produk tempatan serta telah mengusahakan penginapan dan pengangkutan. Justeru itu, dengan adanya aktiviti pelancongan ini dapat membuka banyak peluang pekerjaan kepada komuniti setempat. Selain itu, pembangunan pelancongan ini memberikan kesan juga kepada alam sekitar serta komuniti setempat secara langsung ataupun tidak. Pembangunan daripada aktiviti pelancongan ini memberikan impak yang positif dimana ia membuka peluang pekerjaan kepada masyarakat komuniti. (Farrah Husna Anwar, 2021)

2.13 Penutup

Kesimpulannya, sorotan kajian ini adalah dokumentasi yang diperlukan untuk bab yang seterusnya. Sorotan kajian ini juga merupakan saluran kepada pengkaji bagi mencapai atau mempeoleh sumber utama. Selain itu, dengan adanya sorotan kajian ini dapat memperkukuhkan hujah berdasarkan kritikan atau penilaian terhadap karya penulis lain. Dengan membuat sorotan kajian ini juga, pengkaji dapat melihat skop kajian metodologi yang telah digunakan oleh pengkaji lain.

Selain itu, dalam bab ini, pengkaji telah menulis tentang kajian literatur yang berkaitan dengan tajuk yang berkaitan yang telah ditulis oleh pengkaji lain. Dengan adanya sorotan kajian ini, pengkaji mampu untuk mengumpul maklumat tentang pelbagai masalah yang dikaji.




BAB 3

METODOLOGI

3.1 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan satu pendekatan yang dipraktikkan oleh pengkaji untuk mendapatkan maklumat. Menurut Kamus Edisi Keempat metodologi membawa maksud kepada (metodologi) sistem yang merangkumi kaedah dan prinsip yang digunakan dalam sesuatu kegiatan, disiplin. Dalam bab ini pengkaji akan menerangkan tentang kaedah yang digunakan bagi mendapatkan maklumat bagi memastikan objektif tercapai.

Kajian yang dibina oleh pengkaji ini adalah berbentuk kualitatif, menurut Kamarul Azmil pengumpulan data kualitatif ini berbentuk deskriptif iaitu berbentuk kata-kata lisan ataupun tingkah manusia yang dapat diamati. Data kualitatif ini boleh dibahagikan kepada tiga iaitu hasil pemerhatian, hasil pembicaraan dan bahan tertulis. Dimana hasil pemerhatian ini membawa kepada huraian terperinci tentang situasi, kejadian dan lain-lain, hasil pembicaraan pula membawa kepada kutipan langsung dari pernyataan orang yang berpengalaman serta bahan tertulis pula daripada petikan secara keseluruhan dokumen, surat-menyurat, rakaman dan kes sejarah.



Rajah 3.1: Carta Alir Metodologi Kajian.

Carta aliran metodologi kajian (Rajah 3.1) adalah amat penting dalam projek penyelidikan ini. Dengan adanya carta aliran ini akan menjadi sumber panduan keseluruhan kerja kepada pengkaji. Carta aliran ini dapat memberikan gambaran awal kepada pengkaji sebelum melakukan kerja mengikut susun atur carta tersebut. Di dalam carta aliran ini mempunyai dua data yang akan digunakan oleh pengkaji iaitu data sekunder dan data primer. Data sekunder pengkaji akan menggunakan internet, jurnal dan juga surat khabar bagi mencari maklumat. Selain itu, untuk data primer pengkaji menggunakan kaedah kualitatif iaitu menggunakan kaedah temu ramah. Semasa proses temu ramah dijalankan pengkaji akan membuat catatan, nota lapangan serta rakaman foto semasa menemu ramah.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Kaedah ini dijalankan adalah untuk menjawab persoalan yang telah dipersoalkan dan juga bagi mencapai objektif kajian. Kaedah pengumpulan data yang digunakan oleh pengkaji terdiri daripada dua iaitu sekunder dan primer. Dimana sumber sekunder adalah data secara tidak langsung yang dipeolehi data tersebut daripada dokumen-dokumen dan data primer merupakan data yang diterima secara langsung.

Reka bentuk kajian yang digunakan untuk melaksanakan kajian ini adalah daripada kajian kes. Kajian kes membawa maksud kepada pelbagai sistem terikat dari masa ke masa melalui pengumpulan data yang terperinci dan mendalam melibatkan pelbagai sumber maklumat seperti pemerhatian, laporan dan temu ramah. Kemungkinan kajian kes sesuatu mempunyai pelbagai cabang dan juga tunggal. Pengkaji telah merujuk beberapa kajian kes serta telah menganalisis beberapa dokumen bagi melaksanakan kajian ini;

Jadual 3.2: Rekabentuk Kajian

No.	Objektif Kajian	Rekabentuk Kajian
1.	Mengetahui sejarah Rumah Warisan Haji Su yang dapat memberi impak kepada komuniti setempat.	Temu Bual
2.	Menghuraikan ciri-ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su yang dapat menarik minat pelancong.	Temu bual
3.	Menilai potensi Rumah Warisan Haji Su terhadap sektor pelancongan di negeri Terengganu.	Temu Bual

Dalam kajian yang akan dijalankan, pengkaji menggunakan beberapa kaedah iaitu seperti kaedah analisis dokumen dimana pengkaji akan merujuk seperti tesis, jurnal serta surat khabar. Selain itu, pengkaji juga turut menggunakan kaedah dalam melaksanakan projek penyelidikan ini. Dimana bagi mengetahui ciri-ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su pengkaji akan menemu ramah beberapa orang antaranya adalah pihak Muzium, ahli akademik serta penduduk kampung. Seterusnya bagi objektif yang ketiga adalah menilai potensi Rumah Haji Su terhadap sektor pelancongan, pengkaji akan menemu bual beberapa orang penduduk yang berada di sekitar kawasan Rumah Haji Su.

3.2.1 Kajian Terdahulu

Kunjungan ke Perpustakaan Awam Negeri Terengganu serta Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan telah dijalankan, tujuan kunjungan ke perpustakaan adalah bagi mendapatkan maklumat awal tentang kajian yang akan dilaksanakan. Pengkaji menggunakan bahan seperti tesis, jurnal, buku dan artikel untuk meneliti dan mencari maklumat-maklumat yang diperlukan dalam penyelidikan ini.

3.2.2 Temu Bual

Menurut Denzin (2001) menyatakan temu bual harus digunakan dengan lebih terperinci bukan hanya sebagai alat pengumpulan maklumat, temu bual perlu bersifat reflektif dan dapat menggambarkan kehidupan dan situasi yang sebenar mengenai sesuatu fenomena. Kaedah temu bual ini adalah untuk mendapatkan maklumat tentang ciri-ciri seni bina yang terdapat pada rumah warisan Haji Su yang dapat menarik minat pelancong dan menilai potensi Rumah Warisan Haji Su terhadap sektor pelancongan di negeri Terengganu. Sebelum melakukan temu bual, pengkaji akan meminta kebenaran daripada pihak muzium yang menjaga rumah warisan Haji Su ini terlebih dahulu.

Selain itu, pengkaji juga akan membuat temu bual kepada beberapa orang penduduk tempatan yang berdekatan dengan Rumah Warisan Haji Su tentang pengaruh rumah ini terhadap pelancongan negeri Terengganu ini sendiri. Serta pengkaji akan menemu bual beberapa orang ahli akademik, ahli sejarah dan penduduk berhampiran. Oleh itu, pengkaji akan berinteraksi dengan yang telah dinyatakan bagi mendapatkan maklumat yang sahih tentang Rumah Warisan Haji Su ini.

3.2.3 Rakaman Foto

Pengkaji telah mengambil foto-foto yang berkaitan semasa kajian dijalankan di lapangan, adanya foto dapat memperkukuhkan lagi bukti kajian yang dilaksanakan. Kaedah ini dilakukan bagi merekod semua data-data yang berkeperluan. Dalam rakaman foto ini, pengkaji hanya menggunakan telefon pintar pengkaji sendiri. Oleh itu, melalui kaedah ini, ia akan dapat mengumpulkan maklumat sebanyak yang mungkin dalam kajian ini.

3.2.4 Buku Nota

Buku nota ini digunakan bagi mencatat segala maklumat yang dipeolehi dan dicatatkan melalui buku nota ini. Kaedah ini digunakan lebih induktif dimana apabila pengkaji mendapat maklumat, pengkaji akan menulis maklumat tersebut di dalam buku nota tersebut. Pengkaji telah menggunakan buku nota latihan yang biasa bagi mencatatkan maklumat yang dipeolehi daripada responden.

3.3 Teknik pengumpulan data

Pengumpulan data adalah sebuah kaedah bagi mendapatkan maklumat. Pengkaji telah menggunakan pelbagai kaedah untuk mendapatkan data yang berkaitan dengan kajian ini. Pengkaji akan menggunakan pelbagai sumber seperti data primer dan data sekunder bagi mendapatkan maklumat yang sahih dan tepat.

3.3.1 Data Primer

Bagi kajian penyelidikan ini, pengkaji akan mengumpul maklumat dengan menemu bual beberapa orang yang berkaitan bagi mendapatkan maklumat berkaitan kajian ini. Antara responden yang ditemu bual oleh pengkaji adalah beberapa orang penduduk berhampiran dengan Rumah Warisan Haji Su,


pihak Muzium dan orang akademik berkenaan dengan objektif yang telah ditetapkan. Kaedah temu bual ini dapat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang sukar untuk dipeolehi daripada mana-mana sumber ilmiah. Oleh itu, melalui kaedah ini, pengkaji akan mendapat maklumat secara terus daripada orang yang telah ditemu bual tersebut. Hasil daripada data yang didapati, pengkaji akan mencatat ataupun merekod agar memudahkan kerja-kerja untuk menganalisis maklumat tersebut serta dalam merekodkan data yang telah dipeolehi oleh hasil daripada temu bual bersama pelbagai pihak

3.3.2 Data Sekunder

Menurut Ramzanjohari data sekunder membawa maksud kepada maklumat yang dipeolehi daripada penulis lain yang terlibat ataupun menulis kajian yang berkaitan ataupun maklumat yang didapati secara tidak langsung daripada bahan ilmiah. Antara sumber-sumber maklumat seperti buku rujukan, jurnal, artikel dan kertas projek sarjana yang berkaitan, rencana di akhbar majalah serta sumber internet yang digunakan sebagai data sekunder.

Dalam kajian penyelidikan ini, pengkaji telah mengumpul data sekunder yang berkaitan dengan objektif kajian iaitu sejarah Rumah Warisan Haji Su yang dapat memberi impak kepada komuniti setempat. Data sekunder ini banyak membantu pengkaji dalam mencari maklumat yang diperlukan. Dalam penggunaan data sekunder ini, pengkaji dapat membuat perbandingan dengan data yang dipeolehi dan juga data yang terdahulu.

3.4 Kaedah Analisis Data



Rajah 3.2: Proses Analisis Data.

Rajah 3.2 menunjukkan proses analisis data yang akan digunakan oleh pengkaji untuk melaksanakan kajian tentang keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su di Losong Haji Su, Kuala Terengganu. Langkah pertama analisis data ini adalah proses transkripsi data iaitu dimana pengkaji perlu menyalin segala maklumat yang telah disampaikan oleh responden melalui kaedah temu bual. Pengkaji haruslah menyalin semua maklumat yang akan disampaikan dan juga keadaan sekeliling semasa menemu ramah responden. Langkah seterusnya adalah pembacaan semula dimana pengkaji perlulah membuat pembacaan semula terhadap apa yang telah ditulis semasa menemu ramah bersama responden dan perlu menentukan data yang akan diletakkan di laporan penyelidikan.

Seterusnya, pengkaji perlulah menentukan data berdasarkan persoalan yang telah ditanyakan kepada responden. Setelah itu, pengkaji akan melakukan pemilihan kod mengikut kumpulan. Pemilihan kod ini adalah pengasingan kumpulan seperti

pengasingan peringkat umur iaitu golongan remaja dan juga orang tua. Selepas proses pemilihan kod dibuat, pengkaji akan membuat pemilihan subkumpulan pula. Akhirnya, pengkaji akan membuat triangulasi iaitu triangulasi ini membawa maksud kepada integrasi metod yang berbeza bagi mendapatkan pelbagai bentuk data agar kajian akan lebih bersifat subjektif dan menyakinkan, antara bentuk lain data adalah daripada gambar, video, pemerhatian, lapangan serta dokumentasi. Akhir sekali adalah pengkaji perlulah membuat semakan terhadap maklumat yang telah dapat agar selari dengan ditulis, dengan itu segala maklumat yang dipeolehi boleh diletakkan dalam penulisan tentang kajian keunikan seni bina Rumah Warisan Haji di Kampung Losong Haji Su.

3.5 Jangkaan Dapatan Kajian

Hasil kajian dijangkakan dapat membantu dalam mengetahui sejarah Rumah Warisan Haji Su secara menyeluruh dan sahih. Selain itu, seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su ini dapat dikenali dengan baik. Dimana seni bina yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su ini adalah seni bina Melayu tradisional serta mempunyai ciri-ciri seni bina yang lain. Jangkaan hasil kajian ini dapat memberikan gambaran kepada pengkaji bagaimana potensi rumah terhadap pelancongan negeri Terengganu.

Jangkaan hasil kajian ini juga dapat menunjukkan gambaran yang lebih jelas tentang keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su ini. Seterusnya, ciri-ciri seni bina yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su ini dapat memberikan impak kepada pelancong kerana keunikannya tersendiri yang terdapat di rumah tersebut, serta mendorong kepada pengunjung untuk mengetahui lebih mendalam tentang seni bina rumah warisan Melayu ini. Dimana seni bina yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su ini tidak lagi ada pada rumah di sekeliling rumah Haji Su ini.

Hasil kajian ini juga turut dapat dijadikan sebagai sebuah rujukan kepada para penyelidikan yang akan datang dalam menghuraikan seni bina yang terdapat pada rumah warisan Melayu. Serta hasil kajian ini juga turut dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat bahawa Rumah Warisan Haji Su merupakan aset pelancongan warisan yang penting terhadap kawasan tersebut serta harta warisan yang perlu sentiasa dijaga dengan baik untuk masa depan generasi muda.

3.6 Penutup

Kesimpulannya, kaedah-kaedah metodologi yang digunakan oleh pengkaji telah banyak membantu pengkaji dalam melengkapkan dan menyiapkan kajian ini. Dengan adanya kaedah ini, pengkaji boleh mendapat maklumat yang sahih dan mempunyai pelbagai maklumat yang berkaitan dengan Rumah Warisan Haji Su ini. Dengan adanya sumber maklumat hasil daripada metodologi yang dijalankan, sememangnya laporan yang dijalankan tidak sempurna tetapi sesuatu yang tiada kesahihan dan boleh mengagalkan kajian yang dilakukan. Metodologi ini diguna pakai dalam projek penyelidikan ini agar dapat menyimpulkan bahawa kaedah ini amat sesuai digunakan dalam projek penyelidikan ini.

Oleh demikian, dapat disimpulkan bahawa metodologi kajian ini penting dalam menjalankan projek penyelidikan ini. Ini kerana, dapat membantu pengkaji dalam menyelesaikan kajian yang dilakukan serta hasil yang dipeolehi dalam kaedah ini membantu pengkaji untuk melihat setiap hasil yang didapati untuk menyiapkan kajian ini. Dalam bab ini juga pengkaji telah menerangkan segala kaedah yang digunakan dalam menyiapkan kajian ini. Pelbagai kaedah digunakan bagi menyokong segala maklumat yang dipeolehi agar maklumat yang dipeolehi adalah sahih dan dapat membantu pengkaji dalam kajian ini. Diharapkan segala maklumat yang dipeolehi hasil daripada kaedah yang telah digunakan dapat membantu pengkaji dalam

mendapatkan maklumat tentang kajian ini serta membantu dalam menyiapkan kajian ini.



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 4

DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Bab ini akan merungkai dan menyatakan segala maklumat yang dipeolehi dan dianalisis oleh pengkaji berdasarkan objektif kajian serta tajuk yang telah dipilih. Di dalam bab ini amat penting kerana setiap penyelidikan akan menjawab setiap permasalahan dan objektif kajian yang telah dinyatakan sebelum ini. Dalam dapatan kajian ini mempunyai tiga objektif utama yang dinyatakan oleh pengkaji. Objektif pertama adalah mengetahui sejarah Rumah Warisan Haji Su yang dapat memberi impak kepada komuniti setempat. Dalam mencapai objektif kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah menganalisis dokumen dan juga kaedah temu bual berkaitan dengan Rumah Warisan Haji Su. Objektif kedua adalah menghuraikan ciri-ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su yang dapat menarik minat pelancong, objektif ketiga adalah menilai potensi Rumah Warisan Haji Su terhadap sektor pelancongan di negeri Terengganu.

Pengkaji telah melakukan kajian di sekitar Kampung Losong Haji Su iaitu dengan menemu bual beberapa orang responden di sekitar lokasi kampung tersebut dan juga beberapa individu yang mempunyai kepakaran tentang Rumah Warisan Haji Su ini. Kaedah temu bual ini sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan maklumat yang ingin diketahui. Kaedah ini amat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang lebih efisien.

4.2 Analisis Demografi Responden

Responden merupakan orang yang memberi maklumat dalam sesuatu kegiatan kaji selidik. Jadual 4.1 dibawah menunjukkan pecahan yang terdiri daripada nama, umur tempat dan tarikh temubual yang telah dilakukan dengan responden.

Jadual 4.1 Nama-Nama Responden Yang Ditemubual Oleh Pengkaji

Bil.	Nama Responden	Umur	Tarikh Temubual	Kod Responden
1	Ayub Bin Mat	42	23 Ogos 2021	A
2	Munirah Binti Embong	47	13 September 2021	B
3	Noriah Binti Shaufi	24	27 September 2021	C
4	Muhammad Bin Muda	67	30 September 2021	D
5	Nur Fadhila Binti Ibrahim	25	1 Oktober 2021	E
6	Fatin Nur Aida Binti Ismail	32	2 Oktober 2021	F
7	Dalila Binti Mohammad	23	4 Oktober 2021	G
8	Nur Badariah Binti Zaki	37	17 Oktober 2021	H
9	Hayani Binti Harun	54	7 November 2021	I
10	Najihah Binti Muhammad	42	20 November 2021	J
11	Ruzihan Binti Romli	27	21 November 2021	K
12	Rokamisah Binti Mohd	55	26 November 2021	L
13	Nur Adilah Faqihah Binti Embong	28	8 Disember 2021	M

4.3 Sejarah Rumah Warisan Haji Su yang dapat memberi impak kepada komuniti setempat.

Hasil daripada temu bual yang dijalankan oleh pengkaji bersama beberapa orang responden yang terdiri daripada penduduk kampung yang berada di sekitar kawasan Losong Haji Su. Merujuk kepada soalan pertama iaitu adakah masyarakat setempat mengetahui berkenaan dengan sejarah Rumah Warisan Haji Su, responden pertama berpendapat bahawa tidak semua masyarakat mengetahui akan sejarah Rumah Warisan Haji Su ini, kemungkinan hanya sebahagian masyarakat yang terdiri daripada orang-orang lama iaitu warga tua yang mengetahui tentang sejarah rumah Haji Su ini, hal ini kerana golongan muda kini kebanyakannya tidak mengambil berat tentang hal ini kerana tidak berminat dengan sejarah yang dahulu kala.

Manakala, responden kedua berpendapat bahawa masyarakat yang tinggal disekeliling Rumah Warisan Haji Su ini mengetahui tentang rumah Haji Su ini kerana, beliau berpendapat bahawa orang-orang lama iaitu warga emas lebih mengetahui tentang sejarah rumah ini dan menceritakan kepada anak cucu mereka. Oleh itu, masyarakat mengetahui tentang sejarah rumah ini walaupun tidak banyak. Selain itu, responden ketiga pula telah menyatakan bahawa, masyarakat setempat mengetahui tentang Rumah Warisan Haji Su ini kerana rumah ini merupakan satu-satunya rumah tradisional Melayu yang masih ada di Kampung Haji Su ini. Oleh itu, masyarakat tertarik dengan rumah ini dan serba sedikit mengetahui tentang sejarah Rumah Warisan Haji Su ini.

Manakala responden keempat pula menyatakan, masyarakat mengetahui tentang sejarah Rumah Warisan Haji Su ini kerana, apabila pengunjung datang bertanya, mereka boleh menceritakan serba sedikit tentang sejarah rumah ini. Menurut, responden kelima, berpendapat bahawa masyarakat setempat tidak

mengetahui berkenaan sejarah Rumah Warisan Haji Su kerana kurang di war-warkan oleh agensi berkaitan kepada masyarakat setempat.

Seterusnya bagi soalan kedua pula, responden pertama telah menyatakan sejarah Rumah Warisan Haji Su dapat mempengaruhi masyarakat setempat dari aspek konsep seni bina rumah. Seni bina yang menerapkan konsep tradisional dari segi penggunaan bahan yang digunakan dan reka bentuk yang dihasilkan. Konsep rumah ini telah mempengaruhi minat masyarakat kini untuk membina kediaman berkonsepkan rekabentuk tradisional, oleh itu ia membuatkan konsep seni bina ini terus dikenali oleh generasi kini.

Menurut, responden kedua menyatakan, rumah warisan ini mempengaruhi penduduk setempat dimana boleh dilihat pada keunikan rumah itu sendiri serta tidak banyak orang yang membina rumah menggunakan kayu pada masa kini. Rumah Warisan Haji Su ini menjadi contoh kepada penduduk yang ingin mendirikan rumah yang berkonsepkan tradisional Melayu. Manakala menurut responden kelima pula berpendapat, sejarah Rumah Warisan Haji Su ini dapat mempengaruhi masyarakat setempat kerana keunikan reka bentuk rumah dan sejarah yang memberi kesan yang sangat besar.

Seterusnya, soalan ketiga responden pertama berpendapat sejarah Rumah Warisan Haji Su memberi kesan kepada komuniti iaitu kehebatan dan semangat tukang-tukang rumah dahulu dalam membina rumah tersebut. Hal ini kerana rekabentuk Rumah Warisan Haji Su sangat menarik dan kukuh, dimana bagi membina sebarang rumah tidak menggunakan teknologi tetapi, hanya menggunakan tenaga manusia semata-mata. Namun begitu, tukang dahulu mampu membina sebuah rumah yang sangat berkualiti.

Manakala menurut responden kelima berpendapat bahawa sejarah rumah ini tidak memberi kesan kepada masyarakat. Dimana masyarakat setempat hanya

menganggap Rumah Warisan Haji hanya sekadar tinggalan sejarah sahaja. Selain itu, responden kelima berpendapat bahawa rumah Haji Su ini unik dan tradisional oleh itu ia dapat menarik minat orang ramai untuk mengetahui lebih banyak perkara atau maklumat tentang Rumah Warisan Haji Su. Tambahan pula rumah tersebut menggunakan seni bina Melayu yang melambangkan kemajuan teknologi, ketinggian nilai seni serta budayanya.

Hasil temubual responden pertama menyatakan pendapat dalam soalan keempat adalah keistimewaan Rumah Warisan Haji Su ialah keunikan rekabentuk binaan rumah yang berkonsepkan tradisional Melayu. Selain itu, susun atur rekabentuk dalaman dan kawasan halaman rumah juga turut menjadi faktor keistimewaan rumah warisan ini. Manakala responden kedua pula menyatakan keistimewaan Rumah Warisan Haji Su ini adalah peninggalan pedagang Melayu yang terkaya di kawasan tersebut serta rumah ini telah wujud sejak tahun 1670, dimana rumah ini berkonsepkan Rumah Limas Belanda yang bercirikan tradisional negeri Terengganu.

Seterusnya, responden ketiga menyatakan keistimewaan rumah ini adalah Rumah Warisan Haji Su ini hanya dibina dengan menggunakan kayu Cengal dan tanpa menggunakan sebarang paku. Ini boleh melihat kehandalan tukang-tukang Melayu pada zaman dahulu dalam pembinaan rumah dan masih bertahan hingga sekarang. manakala responden kelima menyatakan Rumah Warisan Haji Su paling besar di penempatan itu yang masih terdapat rumah-rumah tradisional yang melambangkan taraf kehidupan keluarga yang mendudukinya pada masa silam. Selain nilai warisan yang ditinggalkan, pemilik asal rumah itu mempunyai sejarah tersendiri dan namanya telah diabadikan sebagai nama penempatan di kampung ini iaitu kampung Losong Haji Su

Soalan kelima pula, hasil temu bual bersama responden pertama bagi soalan kelima berpendapat bahawa sejarah Rumah Warisan Haji Su menjadi faktor ia

diiktirafkan sebagai bangunan warisan. Namun begitu, responden pertama menyatakan bahawa rumah ini diiktiraf juga kerana rekabentuknya yang menarik dimana ia sukar dilihat pada zaman moden ini, oleh itu dengan wujudnya bangunan warisan ini, generasi muda kini dapat melihat senibina rumah terdahulu. Manakala, responden kedua pula berpendapat, Rumah Warisan Haji Su ini perlu diiktiraf sebagai bangunan warisan dimana faktor seni bina Melayu yang melambangkan intipati kemajuan teknologi dan ketinggian nilai seni serta corak budaya.

Manakala, responden kelima reka bentuk rumah yang unik dan ada keistimewaannya yang tersendiri. Ia merupakan rumah paling besar di penempatan itu yang masih terdapat rumah-rumah tradisional yang melambangkan taraf kehidupan keluarga yang mendudukinya pada masa silam. Selain nilai warisan yang ditinggalkan, pemilik asal rumah itu mempunyai sejarah tersendiri dan namanya diabadikan sebagai nama penempatan di situ iaitu Losong Haji Su.

Bagi soalan keenam pula responden pertama menyatakan antara cara penduduk setempat menyampaikan tentang sejarah Rumah Warisan Haji Su ini kepada orang luar adalah melalui surat khabar dan media massa seperti facebook, blog dan lain-lain lagi. Ini kerana masyarakat kini lebih banyak meluangkan masa dengan media massa untuk mendapatkan sesuatu info. Manakala, responden kedua pula menyatakan penduduk setempat menyampaikan sejarah Rumah Warisan Haji Su kepada orang luar iaitu melalui lawatan yang dikunjungi.

Dimana apabila ada pengunjung yang mengunjungi rumah ini, ada penduduk setempat juga yang akan pergi ke rumah tersebut. Oleh itu mereka dapat menceritakan serba sedikit tentang Rumah Warisan Haji Su ini kepada para pelancong. Manakala bercanggah pula dengan responden kelima berpendapat penduduk setempat tidak menyampaikan sejarah rumah Haji Su kerana mereka menganggap hasil usaha Haji Su ini tidak memberikan apa-apa kepentingan kepada mereka dan mereka juga tidak merasai hasil usaha Haji Su ini.

Seterusnya, soalan ketujuh pula, responden pertama berpendapat kewujudan Rumah Warisan Haji Su dapat mempengaruhi ekonomi setempat dengan menjadikan rumah tersebut sebagai tempat tumpuan pelancong di luar Terengganu. Selain itu, terdapat juga perkhidmatan rumah penginapan (homestay) juga banyak disediakan oleh penduduk setempat untuk penginapan pengunjung. Oleh itu, ia dapat membantu penduduk setempat menjana pendapatan. Seterusnya, menurut responden kelima berpendapat bahawa kewujudan Rumah Haji Su memberi impak positif kepada penduduk setempat kerana pada ketika itu penduduk setempat sentiasa berulang alik ke Rumah Warisan Haji Su untuk mendapat bekalan makanan serta bahan mentah. Ini menyebabkan, ramai penduduk setempat mendirikan rumah dan membuka kedai di kawasan berhampiran Rumah Haji Su. Hasilnya ekonomi komuniti setempat semakin berkembang.

Bagi soalan kelapan pula, responden pertama menyatakan tarikan utama Rumah Warisan Haji Su ialah rekabentuk seni bina rumah tradisional yang unik. Namun boleh dikatakan lokasi rumah inilah asbab tarikan kerana ia bukan sahaja berdekatan dengan pusat bandar, malah ia juga berdekatan dengan rumah penginapan (homestay), Muzium Terengganu dan juga Taman Tamadun Islam. Menurut responden kedua pula menyatakan, tarikan utama pada Rumah Warisan Haji Su ini adalah Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga dan Rumah Limas Belanda yang berada di kawasan tersebut. Menurut responden kelima pula, Rumah Warisan Haji Su ini memberi tarikan kerana nilai estetika yang terdapat pada keunikan ukiran kayu pada Rumah Warisan Haji Su menarik minat orang luar terutamanya peminat seni kraf ukiran kayu.

Selain itu, bagi soalan kesembilan, responden pertama berpendapat, majoriti komuniti yang mengetahui tentang keunikan dan sejarah Rumah Warisan Haji Su ini merupakan warga tua yang berasal dari Kampung Losong Haji Su itu sendiri dan sekitarnya. Hal ini kerana sudah pasti penduduk sekitar menjalani kehidupan mereka

dahulu dengan penduduk kampung termasuklah dengan Haji Su itu sendiri. Oleh itu, sudah pasti mereka turut mengetahui tentang sejarah dan keunikan rumah tersebut.

Manakala, responden kedua telah menyatakan bahawa masyarakat setempat mengetahui tentang sejarah rumah ini kerana rumah tersebut telah ada sejak dahulu lagi oleh itu sejarah rumah tersebut tersebar dengan sendirinya oleh kalangan masyarakat setempat. Manakala menurut responden kelima menyatakan komuniti setempat mengetahui keunikan seni bina dan sejarah Rumah Warisan Haji Su melalui kerajaan negeri hasil usahasama dengan Muzium Terengganu yang membeli dan memelihara warisan dan mengekalkan sejarah Rumah Warisan Haji Su.

Di samping tu, soalan kesepuluh responden pertama telah menyatakan rekabentuk Rumah Warisan Haji Su tidak dipengaruhi oleh rekabentuk rumah penduduk sekitar kerana berdasarkan apa yang dilihat pada kawasan sekitar hanya sebuah rumah sahaja yang binaannya seakan dengan Rumah Warisan Haji Su ini, manakala rumah penduduk lain hanyalah rumah dengan rekabentuk biasa sahaja. Manakala, responden kedua berpendapat masyarakat setempat tidak terpengaruh dengan rekabentuk Rumah Warisan Haji Su disebabkan masyarakat pada masa kini lebih kepada penggunaan batu bata kerana batu bata ini lebih murah daripada kayu. Hal ini kerana harga kayu pada masa kini melambung tinggi.

Manakala responden ketiga menyatakan bahawa masyarakat setempat juga terpengaruh walaupun sedikit dengan rekabentuk yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini. Hal ini kerana rekabentuk yang ada pada rumah tersebut mempunyai keunikannya yang tersendiri. Responden keempat pula menyatakan bahawa sejarah rekabentuk pada Rumah Warisan Haji Su ini tidak mempengaruhi reka bentuk rumah penduduk setempat. Hal ini kerana, kos yang diperlukan untuk membuat rumah seperti rekabentuk Rumah Warisan Haji Su adalah tinggi. Menurut responden kelima pula menyatakan seni reka bentuk rumah warisan Haji Su tidak mempengaruhi reka bentuk rumah masyarakat di sekitarnya kerana nilai ukiran kayu dan reka bentuk yang

terdapat pada Rumah Warisan Haji Su bernilai dan tinggi dan tidak mampu diikuti masyarakat setempat. Ini kerana masyarakat setempat hanya mampu menggunakan konsep seni bina yang mudah dan berpatutan berdasarkan pendapatan mereka. Selain itu, responden juga berpendapat bahawa agak sukar untuk mengikuti reka bentuk yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini kerana pada masa kini untuk mencari tukang dalam pembinaan rumah Melayu tradisional ini adalah sukar, dimana pada dahulu pertukangan orang Melayu adalah mempunyai keseniannya yang tersendiri oleh itu sukar untuk mencari pertukangan serta kesenian Melayu pada masa kini.



Rajah 4.1: Rumah Warisan Haji Su

(Sumber: Rakaman Foto Di Kajian Lapangan) (10/4/2021)

4.4 Ciri-ciri Seni Bina Yang Terdapat Di Rumah Warisan Haji Su Yang Dapat

Menarik Minat Pelancong.

Bagi objektif kedua ini, pengkaji telah menemu bual pembantu Muzium, ahli akademik serta penduduk kampung. Hasil daripada temu bual dengan pembantu Muzium iaitu En Ayub pada soalan pertama telah menyatakan bahawa antara ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su adalah ciri seni bina Terengganu, dimana rumah ini merupakan original daripada seni bina Terengganu walaupun dia mempunyai campuran Limas Belanda tetapi tidak banyak. Ciri seni bina ini mempunyai pengaruh daripada Indonesia sedikit tetapi amat jauh berbeza. Menurut responden satu juga menyatakan ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su ini adalah pengaruh Belanda dan juga Indonesia. Dimana Rumah Limas Belanda dipengaruhi sedikit oleh seni bina Belanda.

Menurut responden kedua telah menyatakan bahawa ciri seni bina terdapat di Rumah Warisan Haji Su ini adalah buah buton. Buah buton ini berada di bumbung rumah ini, dimana ia melambangkan identiti seni bina Terengganu. Menurut responden kedua ini, buah buton ini hanya boleh dilihat pada rumah tradisional Terengganu sahaja serta ia dapat menarik pelancong untuk melihat rumah ini. Selain itu, responden kedua juga telah menyatakan bahawa ruang sorong pada rumah Haji Su ini memperlihatkan keunikan seni bina rumah ini, dimana ruang sorong ini telah dibuat untuk melakukan aktiviti seperti mesyuarat dan perbincangan dan lain-lain, ruang sorong ini juga boleh dilihat pada rumah tradisional Terengganu sahaja.



Rajah 4.2: Buah Buton Pada Atap Rumah Warisan Haji Su

(Sumber: Rakaman Foto Di Kajian Lapangan) (4/5/2021)

Manakala, menurut responden ketiga pula menyatakan ciri seni bina yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini adalah bercirikan rumah tradisional lama. Selain itu, rumah ini mempunyai ciri daripada Jawa dan juga Bugis. Menurut responden kelima pula menyatakan bahawa ciri seni bina yang ada pada rumah Haji Su ini adalah dimana di rumah ini mempunyai Rumah Bujang Berpeleh yang telah dibentuk oleh tiga pasang pemeleh tetapi tidak dibentuk oleh tiga rumah bujang, dimana ia memperlihatkan keunikan seni bina yang telah dihasilkan oleh tukang Melayu terdahulu. Responden kelima ini juga menyatakan penggunaan atap singgora juga merupakan keunikan seni bina yang mampu menarik pelancong untuk melawat rumah ini. Hal ini kerana, pada masa kini untuk melihat penggunaan atap singgora pada pembinaan rumah adalah sangat sukar.



Rajah 4.3: Atap Singgora Di Rumah Warisan Haji Su

(Sumber: Rakaman Foto Di Kajian Lapangan) (4/5/2021)

Bagi soalan kedua pula, responden pertama menyatakan bahawa pengaruh yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini adalah sedikit pengaruh Indonesia. Menurut responden kedua pula pengaruh yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini adalah pengaruh Belanda dan juga Indonesia, serta pengaruh Melayu Terengganu amat banyak pada rumah ini. Manakala responden ketiga pula menyatakan bahawa pengaruh seni bina ini daripada Jawa dan Bugis. Tetapi pengaruh ini sedikit sahaja yang ada dalam seni bina Rumah Warisan Haji Su, malah kesenian asalnya berasal daripada Terengganu. Dimana rumah berpeleh asalnya daripada Terengganu, manakala Rumah Limas Belanda mempunyai sedikit pengaruh daripada Bugis. Manakala menurut responden kelima menyatakan pengaruh yang ada pada rumah ini adalah pengaruh Terengganu serta sedikit pengaruh daripada Belanda.

Seterusnya, soalan ketiga, menurut responden pertama keistimewaan Rumah Warisan Haji Su ini adalah daripada rekabentuk rumah ini tersendiri iaitu merupakan seni bina daripada Terengganu. Menurut responden kedua pula, berpendapat reka bentuk atap merupakan keistimewaan rumah ini. Dimana penggunaan atap singgora

yang telah dibeli di Selat Thailand merupakan keistimewaan Rumah Warisan Haji Su ini. Selain itu, responden kedua juga menyatakan keistimewaan rumah ini terletak pada dinding dan juga tingkat. Di rumah ini mempunyai banyak tingkap bagi tujuan pengudaraan, ini agar aliran udara dapat keluar masuk menyebabkan rumah ini sejuk.

Manakala responden ketiga pula menyatakan bahawa keistimewaan seni bina yang dapat menarik pelancong adalah kemahiran kesenian daripada orang terdahulu. Dimana boleh dilihat pada bahagian dalaman pada setiap sudut rumah Haji Su ini mempunyai kesenian Terengganu terutamanya bahagian ruang tamu yang memperlihatkan kesenian Terengganu. Selain itu, atap juga dapat membantu menarik pelancong untuk mengunjungi Rumah Warisan Haji Su ini. Manakala responden kelima pula berpendapat keistimewaan rumah Haji Su ini adalah daripada seni bina Melayu yang telah berusia tetapi masih berada dalam keadaan baik malah, responden kelima juga menyatakan rumah moden sekarang tidak mempunyai ciri-ciri seni bina Melayu.

Hasil daripada temu bual bagi soalan keempat responden menyatakan faktor yang boleh menjadikan Rumah Warisan Haji Su ini sebagai tempat pelancongan adalah disebabkan rumah ini terletak ditengah-tengah kawasan pembuatan kerepek lekor, selain tujuan utama adalah untuk memulihara Rumah Warisan Haji Su ini. Manakala menurut responden kedua pula menyatakan bahawa keunikan Rumah Warisan Haji Su ini tersendiri dapat menjadikan rumah ini sebagai tempat pelancongan. Manakala, menurut responden ketiga pula menyatakan bahawa faktor Rumah Warisan Haji Su dapat dijadikan sebagai tempat pelancongan adalah dari segi sudut sejarah yang terdapat pada rumah ini. Dimana rumah ini merupakan rumah tradisional Melayu yang terdapat di Kampung Losong Haji Su. Selain itu, faktor geografi juga menjadi salah satu faktor yang menjadikan kawasan ini sebagai tempat pelancongan. Manakala, menurut responden keempat menyatakan faktor rumah Haji

Su ini dijadikan tempat pelancongan adalah rumah ini merupakan rumah agam Melayu yang berada di Kampung Losong Haji Su ini.

Seterusnya adalah soalan kelima, responden pertama menyatakan struktur seni bina yang menarik adalah ciri seni bina Melayu tradisional yang ada pada Rumah warisan Haji Su ini. Ciri seni bina ini boleh dilihat pada setiap sudut rumah ini seperti pembinaan bumbung, bahagian dalaman dan luaran serta halaman rumah tersebut yang bercirikan rumah tradisional Melayu. Seterusnya, menurut responden kedua pula menyatakan bahawa struktur seni bina yang menarik adalah bumbung. Bumbung yang telah digunakan pada Rumah Warisan Haji Su ini adalah dikenali sebagai atap singgora.

Justeru itu penggunaan atap singgora pada masa kini semakin berkurang digunakan. Oleh itu, atap singgora ini menjadi tarikan kepada pelancong. Manakala, menurut responden ketiga struktur seni bina yang diketengahkan adalah seni bina yang telah dibuat oleh tukang-tukang Melayu iaitu kemahiran tradisional anak-anak Terengganu dalam pembinaan rumah. Manakala responden keempat pula menyatakan struktur seni bina yang patut diketengahkan adalah ukiran seni Melayu yang ada pada rumah Haji Su ini.

Soalan keenam pula, responden pertama berpendapat bahawa perbezaan seni bina Rumah Warisan Haji Su dengan seni bina di sekitarnya adalah Rumah Haji Su ini merupakan rumah tradisional Melayu sebab rumah yang berada disekitarnya sudah banyak melakukan penambahsuaian terhadap rumah mereka. Selain itu, Haji Su ini merupakan bangsawan oleh itu beliau membina rumah ini betul-betul mengikut ciri-ciri rumah tradisional. Manakala, menurut responden kedua pula menyatakan bahawa perbezaan ini dapat dilihat secara ketara adalah daripada penggunaan atap singgora pada Rumah Warisan Haji Su ini, dimana rumah yang berada di sekitar rumah ini tidak menggunakan atap singgora tetapi kebanyakannya menggunakan atap zink.

Seterusnya, soalan ketujuh responden kedua berpendapat bahawa seni bina Rumah Warisan Haji Su dapat menarik minat pelancong salah satunya adalah keunikan rumah itu sendiri yang dibina tanpa alat yang canggih seperti pembinaan rumah pada masa kini. Manakala, menurut responden keempat pula menyatakan antara seni bina Rumah Warisan Haji Su ini yang dapat menarik minat pelancong adalah seni binaan ukiran yang terdapat pada dinding dalam rumah ini dapat menarik perhatian pelancong. Selain itu, responden keempat menyatakan bahawa seni bina Rumah Warisan Haji Su adalah lain daripada lain menyebabkan ramai yang mengunjungi rumah Haji Su ini.

Responden pertama berpendapat dalam soalan kelapan iaitu pemilihan bahan binaan juga mempengaruhi gaya rupa seni bina Rumah Warisan Haji Su. Dimana, pada Rumah Warisan Haji Su ini, pihak Muzium telah mengekalkan keaslian rumah ini. Manakala menurut responden kedua pula menyatakan bahawa pemilihan bahan binaan bagi mendirikan Rumah Warisan Haji Su ini adalah sangat penting, dimana pemilihan kayu cengal sebagai bahan yang digunakan bagi membina rumah ini. Kayu cengal ini bersifat tahan lama, seperti yang boleh dilihat Rumah Warisan Haji Su masih bertahan sehingga kini walaupun usianya telah mencecah ratusan tahun.

Manakala menurut responden ketiga juga bersetuju bahawa pemilihan bahan binaan juga mempengaruhi gaya rupa seni bina Rumah Warisan Haji Su. Pada rumah Haji Su ini telah menggunakan kayu yang berkualiti iaitu kayu Cengal, menurut responden ketiga ini kayu Cengal ini membawa maksud kepada kekuatan, serta pembinaan rumah menggunakan kayu Cengal ini adalah dapat bertahan beratus tahun. Malahan, Rumah Warisan Haji Su ini tidak menggunakan sebarang paku dalam pembinaannya. Selain itu, pembinaan atap juga perlu dipilih bahan untuk digunakannya, dimana rumah ini telah menggunakan atap singgora sebagai bumbung rumah. Seterusnya, menurut responden keempat bersetuju bahawa pemilihan bahan binaan ini mempengaruhi seni bina Rumah Warisan Haji Su ini, dimana penggunaan

kayu cengal merupakan bahan binaan utama yang digunakan dalam pembinaan rumah Haji Su ini. Menurut responden kelima juga bersetuju bahawa pemilihan bahan mempengaruhi dalam seni bina rumah Haji Su ini.

Bagi soalan kesembilan, responden pertama telah menyatakan bahawa struktur fasad ini dapat menarik perhatian pengunjung. Kaedah penggunaan fasad ini dapat menarik pelancong dimana, orang yang menjaga rumah ini akan menceritakan tentang fasad-fasad yang digunakan dalam pembinaan rumah Haji Su ini. Manakala menurut responden kedua pula menyatakan bahawa struktur fasad ini dapat menarik para pengunjung serta pengkaji untuk mengetahui jenis fasad ini. Penggunaan struktur fasad membolehkan rumah tersebut dibina tanpa sebarang paku.

Manakala, menurut responden ketiga pula berpendapat struktur fasad ini adalah bagi menyambungkan antara kayu-kayu. Dimana struktur fasad ini tidak menggunakan sebarang paku, oleh itu ia dapat menarik pengunjung untuk melihat pembinaan tanpa sebarang paku, kerana untuk melihat pembinaan rumah tanpa paku pada masa kini agak sukar. Menurut responden keempat pula menyatakan bahawa struktur fasad ini dapat menarik pengunjung untuk ke rumah Haji Su ini bagi melihat dengan sendiri struktur fasad yang ada pada rumah ini.

Seterusnya soalan kesepuluh, responden pertama berpendapat, bahawa seni bina Rumah Warisan Haji Su ini tidak bersesuaian dengan senibina rumah masyarakat sekarang. Faktor yang utama adalah kos tinggi dalam pembinaan rumah Melayu tradisional pada masa kini. Selain itu, responden pertama juga berpendapat bahawa dari segi keselamatan untuk membina rumah Melayu tradisional ini tidak berapa selamat. Dimana responden pertama menyatakan Rumah Warisan Haji Su ini mempunyai banyak tingkap. Oleh itu, ia tidak begitu selamat bagi kanak-kanak untuk tinggal di rumah seperti ini. Pada fasa umur kanak-kanak, mereka suka meneroka oleh itu, berkemungkinan mereka akan bermain di tingkap dan berlaku kemalangan yang tidak diingini.

Oleh itu responden pertama menyatakan bahawa Rumah Warisan Haji Su ini tidak bersesuaian dengan keadaan masa sekarang. Seterusnya, menurut responden kedua menyatakan bahawa seni bina pada Rumah Warisan Haji Su ini tidak lagi sesuai digunakan pada masa kini. Hal ini kerana, penggunaan kayu cengal agak sukar dicari bagi pembinaan rumah serta kos yang tinggi menyebabkan masyarakat tidak mampu untuk mengikuti seni bina yang ada pada rumah ini. Selain itu, faktor hujan dan panas mempengaruhi pembinaan rumah, dimana pada masa kini, masyarakat lebih suka membina rumah daripada batu bata kerana ingin memasang penghawa dingin di dalam rumah kerana cuaca yang panas.

Manakala bercanggah pula dengan responden ketiga iaitu menyatakan bahawa seni bina Rumah Warisan Haji Su ini bersesuaian dengan seni bina yang ingin dibina pada masa kini. Dimana responden berpendapat bahawa pembinaan Rumah Haji Su ini mempunyai pengudaraan yang baik dimana ia mempunyai tingkap yang banyak serta memberi keselesaan kepada orang yang tinggal di dalamnya. Selain itu, responden ketiga juga menyatakan pembinaan rumah seperti rumah Haji Su ini bersesuaian kerana mempunyai ketahanan kerana menggunakan kayu cengal. Malah, responden ketiga menyatakan ia bersesuaian kerana ingin mengekalkan rumah tradisional Melayu pada generasi akan datang.

Seterusnya, menurut responden keempat bersetuju bahawa seni bina Rumah Warisan Haji Su ini bersesuaian mengikut kemampuan seseorang, dimana mengikut kos pada masa kini untuk membina rumah Melayu tradisional memerlukan kos yang sangat tinggi, serta bahan untuk digunakan dalam pembinaan rumah Melayu tradisional ini adalah sangat mahal pada masa kini. Dimana bahan seperti kayu Cengal adalah sangat mahal harganya pada masa kini serta untuk mengupah orang untuk membuat rumah Melayu tradisional ini adalah sangat mahal. Oleh itu, orang yang berkemampuan sahaja yang boleh mendirikan rumah tradisional Melayu pada masa kini.

Menurut responden keempat juga menyatakan bahawa orang yang betul-betul minat terhadap seni bina rumah Melayu tradisional akan mengikuti seni bina rumah Haji Su ini. Hal ini kerana, Rumah Warisan Haji Su ini merupakan contoh seni bina Melayu tradisional yang terdapat di Kampung Losong Haji Su ini. Manakala, responden kelima pula berpendapat seni bina Rumah Warisan Haji Su ini tidak bersesuaian pada masa kini. Menurut responden kelima menyatakan bahawa kos bagi membuat rumah Melayu tradisional pada masa kini sangat tinggi serta pembinaan rumah ini memerlukan kawasan yang luas agar dapat membina rumah tradisional Melayu ini.



Rajah 4.4: Bahagian Rumah Limas Belanda Di Rumah Warisan Haji Su

(Sumber: Rakaman Foto Di Kajian Lapangan) (10/4/2021)



Rajah 4.5: Bahagian Rumah Bujang Berpeleh Berkembar Tiga Di Rumah Warisan Haji Su.

(Sumber: Rakaman Foto Di Kajian Lapangan) (10/4/2021)

4.5 Potensi Rumah Warisan Haji Su Terhadap Sektor Pelancongan Di Negeri

Terengganu.

Hasil daripada temu bual yang dilaksanakan kepada penduduk kampung, pengkaji mendapati bahawa semua responden yang telah ditemu bual pernah mengunjungi Rumah Warisan Haji Su ini. Pada pendapat responden pertama, telah menyatakan sebab pergi ke rumah tersebut adalah untuk melihat dengan mata sendiri Rumah Warisan Haji Su ini. Manakala, bag responden kedua telah menyatakan bahawa sebab mengunjungi rumah Haji Su ini untuk melihat tentang seni reka dimana rumah Haji Su ini merupakan rumah warisan yang bercirikan pertukangan Melayu Terengganu, serta ingin mengetahui tentang sejarah yang ada rumah ini yang diletakkan pada Rumah Warisan Haji Su ini. Seterusnya, responden ketiga menyatakan

bahawa tujuan pergi ke Rumah Warisan Haji Su ini adalah untuk melihat sendiri seni rekabentuk dalaman dan luaran yang terdapat pada rumah ini.

Selain itu, responden keempat pula menyatakan, tujuan mengunjungi rumah Haji Su ini adalah bagi melihat barangan yang digunakan oleh Haji Su pada ketika dahulu antaranya seperti peralatan dapur yang telah digunakan pada ketika dahulu dan juga melihat kenderaan serta perahu yang ada di Rumah Warisan Haji Su ini. Seterusnya, responden kelima pula menyatakan tujuan pergi ke Rumah Warisan Haji Su ini adalah untuk melihat barangan antik yang tidak pernah dilihat oleh beliau, dimana barangan antik ini mempunyai nilainya yang tersendiri pada masa kini. Seterusnya, responden keenam pula menyatakan tujuan pergi ke rumah tersebut adalah bagi tujuan menyiapkan portfolio kerja kursus sejarah.

Seterusnya bagi soalan kedua pula, pada pendapat responden pertama dalam pemerhatian beliau mendapati bahawa, ramai pengunjung telah mengunjungi Rumah Warisan Haji Su ini kerana keunikan rumah itu sendiri yang boleh dilihat pada luar kawasan rumah itu lagi serta rumah ini juga dilawati oleh pengunjung untuk membuat sebagai kenang-kenangan, dimana mereka pernah melawat Rumah Warisan Haji Su ini yang menjadi tarikan kepada pengunjung luar. Manakala, responden kedua berpendapat bahawa pengunjung suka mengunjungi Rumah Warisan Haji Su kerana konsep rumah yang berkonsepkan tradisional, dari aspek penggunaan bahan seperti kayu. Selain itu, rekabentuk rumah tersebut pada bahagian atap dinding, dan lain-lain serta terdapat rekabentuk ukiran yang menarik dimana semua ini sukar didapati pada rumah-rumah pada masa kini.

Responden ketiga pula menyatakan bahawa pengunjung mengunjungi Rumah Warisan Haji Su ini adalah kerana tempat ini sangat menarik, dimana ia memperlihatkan rumah tradisional Melayu pada masa dahulu yang tidak ada pada masa kini. Hasil temu bual responden yang keempat menyatakan pengunjung ke rumah Haji Su untuk melihat barang peninggalan Haji Su yang ada pada zaman dahulu

hingga kini. Barangan yang ada di rumah Haji Su ini kebanyakannya adalah berasaskan tembaga dan juga barangan yang sukar untuk dilihat pada masa kini.

Manakala responden kelima pula menyatakan ramai pelancong yang datang mengunjungi Rumah Warisan Haji Su ini adalah daripada keunikan rumah Haji Su ini yang tersendiri dan juga merupakan rumah tradisional Melayu yang masih ada di Kampung Losong Haji Su ini. Dimana keunikan yang boleh dilihat adalah berdasarkan seni bina yang telah dibina oleh pertukangan Melayu Terengganu pada ketika dahulu, serta responden keenam pula menyatakan para pelancong mengunjungi rumah ini bagi melihat keindahan dan kecantikan rumah tersebut.

Soalan ketiga pula, responden pertama telah menyatakan bahawa tarikan yang ada pada Rumah Haji Su ini adalah mempunyai seni bina dan ukiran tradisional Terengganu, dimana rumah ini telah berusia 197 tahun dan masih kekal berada di tempatnya. Manakala, responden kedua pula menyatakan bahawa, tarikan yang terdapat pada rumah ini adalah daripada rekabentuk rumah yang berkonsepkan tradisional dan suasana persekitarannya kawasan persekitarannya yang memperlihatkan suasana kampung seperti zaman dahulu. Selain itu, responden ketiga pula berpendapat tarikan utama rumah Haji Su ini adalah rumah ini telah dibina tanpa sebarang paku serta masih menggunakan atap singgora dimana atap ini tidak lagi digunakan dalam pembinaan rumah pada masa kini.

Manakala responden keempat pula menyatakan tarikan utama rumah ini adalah daripada rekabentuk rumah itu tersendiri, seperti yang boleh dilihat rekabentuk Rumah Warisan Haji Su ini mempunyai kelainan dengan rumah yang berada disekitarnya. Rumah Warisan Haji Su ini juga merupakan tradisional Melayu yang paling menarik di Kampung Losong Haji Su ini. Responden kelima pula menyatakan tarikan utama yang ada pada Rumah Warisan Haji Su ini adalah rumah yang cantik yang bercirikan rumah Melayu tradisional terdahulu dan mempunyai kawasan yang luas dan lapang di bahagian halaman rumah tersebut.

Soalan keempat pula, responden pertama telah menyatakan Rumah Warisan Haji ini dapat memberikan tarikan kepada kepada pengunjung luar kerana ia mempunyai sejarah dan seni reka binaan yang mempunyai nilai estetika yang tinggi. Manakala, responden kedua pula telah menyatakan Rumah Warisan Haji Su ini memberi tarikan dari luar kepada pengunjung dari aspek seni bina rumahnya yang kian sukar dilihat pada masa kini.

Responden ketiga pula menyatakan dapat menarik pengunjung dari luar dimana pengunjung dari luar juga ingin tahu tentang sejarah Rumah Warisan Haji Su ini serta keluasan yang ada pada rumah ini dan juga memperlihatkan rumah warisan tradisional pada ketika dahulu. Responden keempat pula menyatakan bahawa rumah Haji Su ini dapat menarik pelancong adalah kerana seni bina yang digunakan adalah daripada seni bina Terengganu ini sendiri dan juga di rumah ini mempunyai peralatan yang digunakan oleh Haji Su dan dijadikan sebagai pameran untuk pelancong.

Seterusnya soalan kelima, responden pertama menyatakan bahawa Rumah Warisan Haji Su ini mampu dijadikan sebagai tempat pelancongan dimana rumah ini mampu memperlihatkan keunikan struktur binaan bagi masyarakat tradisional dan mampu memperkenalkan budaya masyarakat Melayu kepada generasi akan datang. Manakala responden kedua menyatakan bahawa Rumah Warisan Haji Su ini mampu menjadi tarikan pelancong kerana rumah ini merupakan rumah tradisional rakyat Terengganu pada zaman dahulu. Selain itu, rumah ini melambangkan hasil kerja orang dulu-dulu terutamanya rakyat Terengganu yang membina sesebuah rumah. Hal ini kerana, setiap negeri sudah pasti mempunyai rumah atau seni bina tradisional mereka tersendiri.

Bagi soalan keenam pula, responden pertama menyatakan bahawa Rumah Warisan Haji Su ini mempunyai potensi yang tinggi sebagai tempat pelancongan kerana ia merupakan sebuah tempat yang masih ada ciri-ciri seni bina pada zaman dahulu dan merupakan tempat yang bersejarah di Kampung Losong Haji Su ini.

Manakala, responden kedua pula menyatakan Rumah Warisan Haji Su ini berpotensi dari segi pelancongan iaitu dari aspek seni bina rumah dimana rumah ini mempunyai keunikan pada ukuran, penggunaan bahan pada atap, dinding dan lain-lain. Penggunaan barangan pada hiasan dalaman juga seperti kerusi, meja, almari juga mempunyai kelainan pada masa kini.

Seterusnya, responden ketiga menyatakan bahawa aspek dan seni bina iaitu reka bentuk dan ukiran yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su ini dapat memberi potensi pelancongan pada masa kini. Manakala responden keempat pula menyatakan bahawa rumah ini berpotensi dijadikan sebagai tempat pelancongan adalah disebabkan oleh keunikan setiap sudut Rumah Warisan Haji Su ini. Dimana, boleh dilihat keunikan pada bahagian dalaman dan luaran rumah ini sendiri. Responden kelima pula menyatakan bahawa rumah ini mempunyai potensi pelancongan dimana Rumah Warisan Haji Su ini merupakan rumah yang masih mempunyai ciri-ciri Melayu tradisional di kawasan ini dan ini menyebabkan ramai pengunjung yang mengunjungi rumah Haji Su ini.

Seterusnya, soalan yang ketujuh responden pertama berpendapat bahawa aspek utama yang dilihat pada Rumah Warisan Haji Su ini yang menjadi tarikan adalah dari segi aspek struktur binaan serta seni ukiran yang terdapat pada rumah tersebut yang melambangkan identiti masyarakat Melayu. Manakala, reponden kedua pula menyatakan aspek utama tarikan Rumah Warisan Haji Su ialah seni bina rekebentuk rumah yang berkonsepkan rumah tradisional Melayu Terengganu. Responden ketiga pula berpendapat bahawa aspek utama yang menjadi tarikan adalah atap singgora yang telah digunakan pada rumah ini menjadi tumpuan kepada para pelancong.

Hal ini kerana, untuk melihat atap singgora pada rumah masa kini amat sukar dicari serta penggunaan atap singgora pada pembinaan rumah masa kini adalah semakin berkurang. Manakala responden keempat pula telah menyatakan bahawa keluasan Rumah Warisan Haji Su serta konsep rumah Melayu tradisional ini menjadi

tarikan kepada pelancong. Dimana apabila pelancong telah lalu berdekatan dengan rumah tersebut akan terpegun melihat keluasan rumah Haji Su ini.

Di samping itu, soalan yang kelapan adalah bagaimanakah Rumah warisan Haji Su ini dapat memberi impak kepada kawasan disekelilingnya. Responden pertama berpendapat Rumah Warisan Haji Su memberi impak besar kepada kawasan sekeliling dari sifat keuntungan. Hal ini kerana, lokasi rumah ini berada di kawasan bandar, menyebabkan ramai pelancong yang akan menggunakan jalan ini. Oleh itu, ramai pengunjung yang akan mengunjungi rumah ini dan sekali gus memberi peluang kepada masyarakat setempat untuk membuka gerai-gerai kecil di sekitar Rumah Warisan Haji Su ini.

Manakala, responden kedua pula menyatakan apabila ramai pengunjung yang mengunjungi Rumah Warisan Haji Su ini, gerai-gerai di sekitar kawasan rumah Haji Su ini akan menerima ramai pelanggan yang mana akan meningkatkan ekonomi peniaga di kawasan ini. Penduduk tempatan telah membuka gerai-gerai kecil di tepi jalan antaranya gerai makanan, gerai minuman, kedai keropok dan lain-lain lagi.

Hasil daripada temubual responden bagi soalan kesembilan responden pertama menyatakan bahawa penggunaan media sosial amat penting bagi menonjolkan Rumah Warisan Haji Su ini kepada masyarakat yang duduk diluar sana. Dimana apabila pengunjung-pengunjung yang datang ke rumah Haji Su ini akan mengambil dan memuat naik gambar di sosial media yang akan membuat pengguna-pengguna media sosial tertarik dan turut mengunjungi rumah tersebut. Manakala, responden kedua pula menyatakan kaedah yang boleh menjadikan rumah Rumah Warisan Haji Su sebagai tempat pelancongan terkenal ialah melalui media sosial seperti facebook, Instagram. Tik Tok dan lain-lain lagi.

Hasil soalan kesepuluh, responden pertama menyatakan penglibatan penduduk kampung dalam pelancongan di Rumah Warisan Haji Su ialah penduduk setempat memperkenalkan rumah ini kepada kawan, saudara-mara yang berada di luar negeri. Oleh itu, kaedah ini dapat memperkenalkan lagi Rumah Warisan Haji Su kepada orang luar. Manakala, responden kedua pula menyatakan membantu dalam mempromosikan Rumah Warisan Haji Su kepada pelancong.

Responden ketiga pula berpendapat bahawa, penglibatan penduduk kampung dan juga masyarakat setempat dalam pelancongan di Rumah Warisan Haji Su ini adalah sangat menggalakkan untuk memperkenalkan Rumah Warisan Haji Su ini sebagai salah satu pusat pelancongan yang baru di Terengganu. Responden keempat pula menyatakan bahawa penglibatan penduduk kampung ini adalah dalam membantu mempromosikan Rumah Warisan Haji Su kepada pelancong luar.

PERBINCANGAN, CADANGAN & KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Bab ini akan menyentuh secara menyeluruh mengenai kajian tentang keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su di Kampung Losong Haji Su. Perbincangan akan terbahagi kepada tiga bahagian berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan. Perbincangan ini dibuat sebagai ukuran kepada keberkesanan dapatan maklumat yang dipeolehi semasa dalam proses menyiapkan kajian ini. Selain itu, pengkaji juga mencadangkan beberapa cadangan kajian yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji yang akan datang yang juga mahu melakukan kajian berkenaan Rumah Warisan Haji Su ini. Cadangan ini serba sedikit dapat membantu pengkaji lain dalam mendapatkan maklumat tentang Rumah Warisan Haji Su ini serta kajian ini turut membantu serba sedikit membantu pengkaji lain untuk mendapatkan maklumat tentang rumah ini. Oleh itu pelbagai usaha yang perlu dilakukan bagi menjaga rumah ini agar ia masih utuh untuk generasi akan datang serta semua pihak memainkan peranan penting dalam menjaga rumah Melayu tradisional ini agar ia kekal di tempat asalnya serta kekal untuk dijadikan sebagai pusat pelancongan kepada pelancong luar serta masyarakat setempat.

5.2 Perbincangan Dapatan Kajian

Bahagian ini akan menghuraikan dapatan-dapatan daripada tajuk kajian pengkaji tentang keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su di Kampung Losong Haji Su. Perbincangan ini dilakukan keatas ketiga-tiga objektif kajian dan akan diulas secara terperinci satu persatu berkaitan dengan objektif yang telah ditetapkan.

5.2.1 Analisis Objektif Kajian 1: Sejarah Rumah Warisan Haji Su Yang Dapat Memberi Impak Kepada Komuniti Setempat.

Setelah kajian yang telah dijalankan bagi mencapai objektif pertama dan persoalan pertama ini pengkaji dapat merangkumi bahawa Rumah Warisan Haji Su ini merupakan rumah Melayu tradisional yang masih ada ciri-ciri Melayu tradisional. Selain itu, hasil pemerhatian pengkaji semasa temu bual dilaksanakan mendapati bahawa Rumah Warisan Haji Su ini merupakan rumah Melayu Tradisional yang masih ada di Kampung Losong Haji Su ini serta rumah ini merupakan rumah agam bangsawan yang bersaiz besar dan juga mempunyai halaman yang sangat luas dan mampu menarik perhatian pelancong. Dimana pelancong akan melawat Rumah Warisan Haji Su ini pada hujung minggu ataupun hari biasa oleh itu, ia dapat memberikan impak kepada komuniti setempat. Dimana penduduk dapat membuka gerai-gerai kecil di tepi jalan serta ada penduduk yang telah membina *homestay* bagi keperluan pelancong, dimana pelancong boleh menyewa *homestay* yang berdekatan untuk berehat dan lain-lain.

Oleh itu ia dapat meningkatkan ekonomi penduduk di sekitar Kampung Losong Haji Su ini. Selain itu, berdasarkan kajian terdahulu ada menyatakan bahawa penglibatan komuniti setempat dapat memberikan impak yang positif kepada komuniti dalam penglibatan aktiviti pelancongan. Ia juga dapat meningkatkan taraf ekonomi penduduk setempat dengan penglibatan dalam aktiviti pelancongan antaranya dengan

menjual hasil produk tempatan serta mengusahakan perusahaan yang berkaitan dengan aktiviti pelancongan ini. Justeru itu, ia dapat meningkatkan ekonomi hasil daripada aktiviti pelancongan. Serta dengan penglibatan komuniti setempat ia dapat dijadikan sebagai alat untuk memelihara sesebuah keunikan yang ada pada sesebuah masyarakat.

5.2.2 Analisis Objektif Kajian 2: Ciri-ciri Seni Bina Yang Terdapat Di Rumah Warisan Haji Su Yang Dapat Menarik Minat Pelancong.

Dari segi temu bual yang dijalankan, pemerhatian dilakukan bahawa seni bina yang telah digunakan ke atas Rumah Warisan Haji Su ini adalah seni bina original Terengganu dan juga seni bina Melayu tradisional. Rumah Warisan Haji Su ini telah dibina oleh orang-orang terdahulu, dimana kesenian pertukangan zaman dahulu sangat kemas dan teliti. Pada masa kini untuk mencari kesenian pertukangan yang membuat rumah tradisional Melayu Terengganu agak sukar. Hal ini kerana, penggunaan bahan pada zaman dahulu dan sekarang adalah berbeza. Kemahiran tradisional anak-anak Terengganu digunakan dalam tradisi rumah dan juga dalam perkapalan. Selain itu, penggunaan bahan juga mempengaruhi seni bina rumah dimana Rumah Warisan Haji Su ini menggunakan kayu yang berkualiti iaitu hanya menggunakan kayu Cengal sebagai bahan utama dalam pembinaan rumah Haji Su ini.

Berdasarkan kajian terdahulu menyatakan nilai sejarah sesuatu yang sangat sukar untuk dipeoleh kerana ia merupakan benda yang sangat penting dan tidak boleh ditukar ganti dengan benda lain. Dimana dengan adanya nilai sejarah ini membolehkan generasi muda untuk mengetahui dan menghayati lebih mendalam asal-usul sejarah tentang peradaban Melayu serta seni bina Melayu tradisional ini

perlu dipulihara dengan baik kerana ia sukar untuk dilihat pada masa kini. Selain itu, ciri seni bina yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su ini juga ada pada rumah tradisional yang lain.

5.2.3 Analisis Objektif Kajian 3: Menilai Potensi Rumah Warisan Haji Su Terhadap Sektor Pelancongan Di Negeri Terengganu.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji ke atas potensi Rumah Warisan Haji Su terhadap sektor pelancongan di negeri Terengganu sangat baik. Hasil daripada temu bual yang telah dilakukan mendapati potensi bagi Rumah Warisan Haji Su ini terhadap sektor pelancongan di negeri Terengganu adalah tinggi. Dimana hasil temu bual yang dilaksanakan kepada komuniti setempat telah menyatakan bahawa rumah Haji Su ini menarik dan mampu menarik para pelancong untuk datang ke rumah tersebut. Antara keunikan yang ada pada rumah Haji Su ini adalah seni bina Melayu tradisional yang semakin sukar untuk dilihat pada masa kini. Selain itu, Rumah Warisan Haji Su ini merupakan rumah yang dibina tanpa menggunakan sebarang paku, oleh itu ia menjadikan rumah ini menjadi tarikan kepada pengunjung luar.

Selain itu, berdasarkan kajian terdahulu menyatakan industri pelancongan merupakan salah satu aktiviti yang dapat memberikan pulangan besar terhadap sesebuah negara, iaitu dengan mengusahakan bahan-bahan warisan adalah penting. Hal ini kerana pelbagai kajian telah membuktikan bahawa pelancongan warisan ini dapat menarik perhatian pelancong untuk tinggal lebih lama daripada pelancongan yang lain. Masyarakat juga memainkan peranan penting dalam pelancongan ini. Dimana masyarakat berperanan untuk menonjolkan bahan-bahan atau objek warisan kepada para pelancong. Aktiviti pelancongan ini juga membantu dalam menghidupkan kembali penggunaan bahan-bahan warisan dan menghidupkan kembali sejarah yang

ada pada sesebuah tempat serta dapat mengekalkan keunikan masyarakat di sesebuah kawasan warisan.

Seterusnya, hasil temu bual telah mendapati bahawa Rumah Warisan Haji Su ini mampu dijadikan sebagai tempat pelancongan adalah rumah Haji Su ini mampu memperlihatkan keunikan struktur binaan bagi masyarakat tradisional dan mampu memperkenalkan budaya masyarakat Melayu kepada generasi akan datang. Seterusnya, Rumah Warisan Haji Su ini mempunyai potensi yang tinggi dalam sektor pelancongan kerana ia merupakan sebuah tempat yang masih ada ciri-ciri seni bina pada zaman dahulu.

5.3 Rumusan

Hasil perbincangan mendapati bahawa metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian Keunikan Seni Bina Rumah Warisan Hajis Su di Kampung Haji Su adalah berhasil dan berkesan. Melalui kaedah temubual responden, kaedah ini sangat membantu pengkaji dalam mendapatkan segala maklumat berkaitan Rumah Warisan Haji Su ini iaitu pada analisis objektif pertama, kedua dan ketiga. Selain itu, pihak muzium sangat memainkan peranan yang sangat baik dalam mendapatkan maklumat dan juga responden orang kampung memainkan peranan penting dan memberi kerjasama yang sangat baik dan memberi maklum balas yang positif dan memberi kerjasama yang baik semasa tempoh temu bual berlaku. Selain itu, penduduk kampung banyak memberikan maklumat tentang Rumah Warisan Haji Su dan sanggup meluangkan masa dengan pengkaji bagi memberikan maklumat yang sahih.

Dalam bab 4 ini dapat dirumuskan tentang tiga objektif utama dimana ia masih mempunyai kekurangan tentang Rumah Warisan Haji Su ini dari segi maklumat yang sangat terbatas dimana melalui internet, jurnal, tesis dan lain-lain lagi maklumat yang

ingin diteliti sangat terhad. Namun, pengkaji dapat merujuk beberapa buah buku serta tesis yang berkaitan dengan rumah Melayu tradisional yang menjadi rujukan utama kepada pengkaji.

5.4 Cadangan

Berdasarkan sepanjang melakukan kajian ini pengkaji telah mendapati bahawa dokumen berkenaan dengan Rumah Warisan Haji Su ini agak sukar didapati dan sangat terhad. Oleh itu, pengkaji akan mncadangkan beberapa kajian lanjutan yang bersesuaian berkaitan dengan Rumah Warisan Haji Su ini. Pengkaji mendapati bahawa banyak kajian lain yang boleh dilaksanakan oleh pengkaji lain. Antaranya ialah:

5.4.1 Cadangan Pemeliharaan Rumah Warisan Haji Su

Antara cadangan pemeliharaan Rumah Warisan Haji Su ini adalah dengan menjadikan Rumah Warisan Haji Su ini sebagai ikon di Negeri Terengganu. Dimana, Rumah Warisan Haji Su ini merupakan rumah Melayu tradisional yang berada di Kampung Losong Haji Su ini, oleh dengan menjadikan rumah ini sebagai ikon Terengganu ia dapat menarik pelancong untuk datang ke rumah ini. Selain itu, dengan cara ini dapat menonjolkan lagi Rumah Warisan Haji Su sebagai pusat pelancongan. Selain itu, seni bina rumah Melayu tradisional seperti rumah ini sangat unik dan menarik. Oleh itu, rumah ini dapat menjadi identiti kepada Negeri Terengganu supaya dapat menarik ramai lagi pengunjung yang mengunjungi Rumah Warisan Haji Su ini.

Cadangan seterusnya adalah pihak berkepentingan seperti pihak kerajaan perlulah mengambil cakna tentang Rumah Warisan Haji Su agar menjadi pusat pelancongan yang wajib dikunjungi oleh pengunjung luar. Dimana pihak kerajaan

perluah mempromosikan rumah ini kepada orang ramai agar dikunjungi oleh ramai orang, selain itu, pihak kerajaan perluah memperbanyakkan aktiviti di Rumah Warisan Haji Su ini, agar ramai yang mengenali Rumah Warisan Haji Su ini.

5.4.1 Cadangan Kajian Lanjutan

Pada cadangan kajian lapangan ini pengkaji akan memberi cadangan kepada pengkaji akan datang yang mengkaji berkaitan dengan Rumah Warisan Haji Su ini. Antaranya cadangan yang boleh diambil perhatian adalah dengan melaksanakan kajian mengenai motif ukiran yang terdapat di Rumah Warisan Haji Su. Ini kerana motif ukiran yang ada pada rumah Haji Su ini mempunyai maksud yang tersendiri dan juga dapat menarik para pengunjung yang datang ke rumah tersebut. Selain itu, ukiran yang ada pada rumah ini sangat berbeza dengan ukiran pada masa kini. Seterusnya adalah dengan membuat kajian tentang pengetahuan masyarakat tentang kewujudan Rumah Warisan Haji Su ini. Dimana boleh dilihat, pengkaji telah membuat temu bual bersama responden, mendapati bahawa pengetahuan masyarakat tentang Rumah Warisan Haji Su ini tidak memuaskan. Oleh itu, pengkaji akan datang perluah membuat kajian tentang pengetahuan masyarakat tentang Rumah Warisan Haji Su agar ia diketahui oleh lebih ramai lagi.

Selain itu, pengkaji lain boleh membuat kajian tentang Rumah Warisan Haji Su ini agar diperkenalkan kepada masyarakat setempat dan penduduk negeri lain agar Rumah Warisan Haji Su ini dapat diketahui oleh ramai orang lagi. Pengkaji boleh menggunakan media massa yang merupakan satu alternatif yang terbaik bagi memperkenalkan Rumah Warisan Haji Su ini kepada masyarakat setempat dan juga penduduk negeri lain. Dimana pada masa kini penggunaan media massa sangat berleluasa digunakan oleh semua peringkat umur.

5.5 Penutup

Secara kesimpulannya, kajian berkaitan keunikan seni bina Rumah Warisan Haji Su sememangnya unik kerana seni bina yang terdapat pada Rumah Warisan Haji Su ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri serta juga mempunyai nilai sejarah yang sangat tinggi. Rumah Warisan Haji Su ini diperbuat daripada kayu Cengal menjadikan rumah tersebut masih kukuh hingga sekarang walaupun telah berusia beratus tahun. Oleh itu, Rumah Warisan Haji Su ini mampu dijadikan sebagai tempat perlancongan warisan yang terkenal serta mampu menjadi tarikan kepada pelancong luar serta masyarakat setempat kerana rumah ini merupakan peninggalan bangsawan terdahulu yang mempunyai nilai warisan yang sangat tinggi serta mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Bangunan warisan seperti ini haruslah diambil berat kerana ia merupakan peninggalan orang dahulu agar dapat dilihat oleh generasi masa kini, ia juga merupakan aset warisan yang sangat bernilai.

RUJUKAN

Ahmad, A. G. (2003). Pemuliharaan Warisan Seni Bina Melayu Dan Islam Pulau Pinang.

Akal Sari. (2010). Jejak Mihrab & Mimbar).

<https://jejakmihrabmimbar.wordpress.com/2010/06/22/muzium-negeri-terengganu/>

Aziz, N. F., Arifin, K., & Ujang, A. (2008). Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan Terhadap Pembinaan Rumah Melayu Traditional. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)= International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*.

Azreena & Nangkula Utaberta. (2013). Motif-motif ukiran pada rumah tiang dua belas di Kelanta dan Terengganu.

<http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/95>

Daud, N. I. M. K., Arbi, A., & Faisal, M. (2012). Pengaplikasian ukiran kayu melayu dalam seni bina di Malaysia. *Journal of Design and Built Environment*, 11, 1-14.

Er, A. C., Ahmad, H., Idris, N. F. M., Jusoh, H., Ramli, Z., Sum, S. M., ... & Sahazali, N. (2017). Analisis faktor kepuasan pelancong terhadap tarikan pelancongan warisan di Melaka (A factor analysis of tourist satisfaction on heritage tourism attractions in Melaka). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(8).

Faisal, G., & Firzal, Y. (2020). *Arsitektur Melayu: Rumah Tradisional dalam Sketsa dan Lensa*. UR Press.

Gibbs, P. (1987). *Building a Malay house= Kaedah pembinaan rumah Melayu*. Oxford University Press.

Hafizah Iszahanid. (2017). Punca identiti Melayu sukar diterapkan seni.

<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/308459/punca-identiti-melayu-sukar-diterapkan-dalam-seni-bina>

Hafizah. (2017) Punca identity Melayu Sukar Diterapkan dalam seni bina.


<https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/308459/punca-identiti-melayu-sukar-diterapkan-dalam-seni-bina>

- Harun, M. B. (2003). Rumah Melayu Tradisional.
- Harun, S. N. (2005). Perkembangan Sejarah dan Pengaruh ke Atas Senibina di Malaysia: Sebuah Tinjauan Ringkas. *Buletin Perancang, Jabatan Perancang Dan Daerah*, 100
- Hassan, F., Zakaria, Z., Hamid, N. A., Rindam, M., & Yahya, F. H. (2013). Peningkatan daya saing Lembah Lenggong berasaskan pelancongan sumber setempat. *GEOGRAFIA Malaysian Journal of Society and Space*, 9(2), 35-49.
- Hussin, R., & Kunjuran, V. (2014). Pelancongan mapan berasaskan komuniti (CBT) melalui program homestay di Sabah, Malaysia. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(3), 160-174.
- Ismail, N. H., Surat, M., Shahminan, R. N. R., & Yunus, S. K. (2014). IDENTITI RUMAH TRADISIONAL NEGERI SEMBILAN MELALUI EVOLUSI REKA BENTUK. *Journal of Design+ Built*, 7.
- Johan Afendi. (2012). Perancangan dan pembangunan pelancongan (Edisi Kedua). Retrieved from <https://books.google.com/books?hl=id&lr=&id=RSW2e4woMbAC&oi=fnd&pg=PA167&dq=perancangan&ots=hrizmXHx1h&sig=Bql7DQnpMCAWtKf-HMIapP1aPrk>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=keunikan+&d=103448&>
- Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim. Identiti seni bina Malaysia: masalah dan penyelesaiannya http://journalarticle.ukm.my/1112/1/Nota_PenyelidikanIdentiti_Seni_Bina_Malaysia.pdf
- Khalid, I. K. M., Ramli, H., & Sabran, A. B. (2015). Memori Warisan Sejarah Reka Bentuk Bandar Tanjong Malim. *KUPAS SENI*, 3.
- Marzuki, S. N., Atang, D. S. A. N., Arsat, A. A. N., Abidin, N. L. Z., Nawi, N. F. M., & Choy, E. A. (2021). TARIKAN PELANCONGAN BERASASKAN WARISAN DI KUALA LUMPUR. *e-Bangi*, 18(2).
- Mohd Samsudin & Sulong Mohamad. (2013). http://journalarticle.ukm.my/6398/1/IMAN1_9.pd


- Mohamed, S. N., & Rose, R. A. C. (2018). Potensi bandar Kuala Lipis sebagai destinasi pelancongan warisan (The potential of Kuala Lipis as heritage tourism destination). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 14(1).
- Mohd Tajuddin. (2004). Warisan seni bina dunia melayu rumah-rumah tradisional.
<http://melayu.library.uitm.edu.my/1707/>
- Mustafar, F. W., Noh, N. M., Suhaini, N., & Karim, A. K. A. (2020). POTENSI PELANCONGAN DI TAMPIN, NEGERI SEMBILAN. *Jurnal Tuah*, 1(1).
- Mohd Yusuf Abdullah. (2012). Warisan Seni Bina Melayu Terengganu.
- Norlizaiha. (2005). Perkembangan sejarah dan pengaruh keatas senibina di Malaysia: sebuah tinjauan ringkas.
https://www.academia.edu/download/32971686/Sejarah_dan_Pengaruh_Senibina.pdf
- Othman, S., & Abidin, R. (2017). Rumah kontena sebagai alternatif untuk penempatan pada masa akan datang.
- Sabil, A. B., Rahmat, M. H., Ismail, S., & Nayeem, N. (2021). PEMBANGUNAN KERANGKA DEFINISI SENI BINA MELAYU MODEN DI MALAYSIA. *Journal of Design+ Built*, 14(1).
- Samad, S., Shukor, M. S., & Salleh, N. H. M. (2013). Impak pembangunan industri pelancongan kepada komuniti di Pulau Langkawi. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VIII (PERKEM VIII)*.
- Shahabuddin. F (2016). Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti.
<https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>
- Shamsu Mohamad. (2016). Atap singgora pada senibina tradisional dan kontemporario di pantai timur.
http://eprints.usm.my/39538/1/PAPER_76.pdf
- Surat, M. S., Baharum, M. A., Usman, I. M. S., Musa, A. R., & Tawil, N. M. (2012). Mengenalpasti Tahap Kesejahteraan Seni Bina Warisan Melayu Melalui Konsep Islam. *Journal of Design+ Built*, 5(1).
- Yusoff, M., Osman, M. K. A., Rofie, M. K., & Abdul Rahman, M. N. (2004). Pembudayaan nilai Islam dalam rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu.

Zakaria, M. H. (2013). Transformasi pusat bandar Muar sebagai lokasi pelancongan warisan.


Zaman, N. A. K., Ahmad, H., Zaman, N. A. K., Choy, E. A., Jusoh, H., Sakawi, Z., & Buang, A. (2017). Tahap penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan Putrajaya (The level of residents' participation in tourism development in Putrajaya). *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 10(8).




UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN



LAMPIRAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

KELANTAN



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Faculty of Creative Technology and Heritage

UMK.A02.800-4/7/4 JILID 2 (45)
BIL. KAMI (Our Ref.) :
TARIKH (Date) : 25 JULAI 2021

RUMAH WARISAN HAJI SU
LOT 7181 RUMAH WARISAN NEGERI (RUMAH WARISAN HAJI SU)
21000
KUJALA TERENGGANU
TERENGGANU

Tuan/Puan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK PELAJAR UMK MENJALANKAN KAJIAN / PENYELIDIKAN /
TEMURAMAH**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa senarai nama di bawah adalah merupakan pelajar dari Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan yang akan menjalankan kajian/penyelidikan/temuramah di organisasi tuan/puan. Tujuan menjalankan kajian/penyelidikan/temuramah ini adalah bagi memenuhi keperluan kursus **Projek Penyelidikan II (CFT 4134)**. Nama pelajar adalah seperti berikut:

Bil.	Nama Pelajar	No Matrik	No. Kad Pengenalan	Program
1	Wan Nur Aezatul Akmal Binti Wan Musa	C18A0456	981118115526	Jazah Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

3. Sukacita sekiranya pelajar ini mendapat kerjasama daripada tuan/puan.

Kerjasama tuan/puan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih

Sekian.

"RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT"
"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

PROF. MADYA TS. DR. KHAIRUL AZHAR BIN MAT DAUD
Timbalan Dekan (Akademik dan Pembangunan Pelajar)

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

اوتومورسيتي ماليسيا كلانتان

Kampus Bachok
Dng Berikand (Local Reg) No. 61,
16380 Bachok, KELANTAN, MALAYSIA

Tel : 099 779 1260
Fax : 099 779 1262

MALAYSIA

KELANTAN

CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 1

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia (Tajuk Kajian)	█														
Draf awal		█													
Bab 1 : Pendahuluan		█	█												
Bab 2 : Sorotan Kajian		█	█												
Bab 3 : Metodologi Kajian		█	█												
Penghantaran draf				█	█	█	█	█	█	█	█	█	█		
Penyuntingan					█	█	█	█	█	█	█	█	█		
Pembentangan PP1														█	
Pembetulan															█
Penghantaran PP1															█



CARTA GANTT : PROJEK PENYELIDIKAN 2

PERKARA	MINGGU														
	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15
Perjumpaan Bersama Penyelia	█														
Perbincangan Projek Penyelidikan 2		█													
Membuat Soalan Temubual			█	█											
Perjumpaan Bersama Penyelia				█											
Pembetulan untuk Soalan Temubual				█	█										
Kajian Lapangan				█	█	█									
Menganalisis Dapatan Temubual						█	█	█							
Bab 4 : Dapatan Kajian							█	█	█	█	█	█			
Bab 5 : Rumusan dan Cadangan							█	█	█	█	█	█			
Penghantaran Bab 4 dan Bab 5												█	█		
Perjumpaan bersama Penyelia												█	█	█	
Penambahbaikan Laporan Projek Penyelidikan													█	█	
Penghantaran PP2														█	
Pembentangan Projek Penyelidikan 2														█	
Penghantaran Full Draf Laporan Projek Penyelidikan															█